

**HUBUNG KAIT ANTARA SIKAP DENGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN  
KEMAHIRAN GURU DISIPLIN DALAM MENANGANI  
MASALAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
DAERAH SARATOK, SARAWAK**

**NOR ASHIKIN BT AZAHARI**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2010**

**HUBUNG KAIT ANTARA SIKAP DENGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN  
KEMAHIRAN GURU DISIPLIN DALAM MENANGANI  
MASALAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
DAERAH SARATOK, SARAWAK**

**NOR ASHIKIN BT AZAHARI**

**DISERTASI SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UUM COLLEGE OF  
ARTS AND SCIENCES, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK IJAZAH  
SARJANA SAINS (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 JANUARI 2010

NOR ASHIKIN BT AZAHARI  
802761



Bidang Pengajian Pendidikan  
UUM College of Arts and Sciences  
(Universiti Utara Malaysia)

**PERAKUAN PROJEK SARJANA**  
(*Certification of Masters Project*)

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa  
(*I, the undersigned, certify that*)

**NOR ASHIKIN BINTI AZAHARI (NO. MATRIK : 802761)**

Calon untuk Ijazah **Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)**  
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(*has presented his/her project paper of the following title*)

**HUBUNG KAIT ANTARA SIKAP DENGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN  
KEMAHIRAN GURU DISIPLIN DALAM MENANGANI MASALAH PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH DAERAH SARATOK, SARAWAK.**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(*as it appears on the title page and front cover of project paper. Is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper*)

Nama Penyelia : **Dr. Abd. Latif bin Kasim**  
(*Name of Supervisor*)

Tandatangan :  
(*Signature*)

Tarikh : **21 Disember 2009**  
(*Date*)

## KEBENARAN MENGGUNA

Dalam mengemukakan Kertas Projek Sarjana ini sebagai sebahagian dari keperluan bagi memperolehi Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan) dari Universiti Utara Malaysia, saya dengan ini bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh menjadikannya terbuka untuk semakan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin Kertas Projek Sarjana ini dalam apa jua bentuk sekalipun, sebahagiannya atau keseluruhannya, untuk kegunaan ilmiah boleh diberikan oleh penyelia saya atau, dengan ketiadaan beliau, oleh Pengerusi Bidang, Bidang Pengajian Pendidikan. Adalah dipersetujui bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan Kertas Projek Sarjana ini atau sebahagian darinya untuk tujuan keuntungan tidak boleh dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah dipersetujui juga bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia bagi sebarang kegunaan ilmiah yang menggunakan apa jua bahan dalam Kertas Projek Sarjana ini.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran menyalin atau lain-lain kegunaan bahan-bahan dalam Kertas Projek Sarjana ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

PENGERUSI BIDANG

BIDANG PENGAJIAN PENDIDIKAN

UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang maha pengasih lagi maha penyayang kerana dengan limpah kurnia dan hidayatNya, saya telah dapat melaksanakan kajian ini sehingga selesai dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi menyempurnakan kajian ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang begitu baik daripada pelbagai pihak.

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khusus kepada Penyelia selaku Penasihat Akademik iaitu Dr Abd. Latif bin Kasim yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar tanpa jemu dari awal sehinggalah kajian ini dapat disempurnakan. Penghargaan juga dirakamkan kepada Dr. Arsaythamby Veloo dan Dr. John Lawrence yang telah berusaha keras menyediakan peluang pengajian ini serta memberi dorongan, teguran dan panduan dalam memastikan kejayaan ini diperolehi.

Setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada Pengerusi Bidang Pengajian Pendidikan, College of Arts and Sciences, Prof. Madya Dr. Mohd Izam bin Ghazali, semua pensyarah yang seikhlas hati mencurahkan ilmu, kakitangan di UUM College of Arts and Sciences secara keseluruhannya serta rakan-rakan Kohort 1 yang banyak membantu dalam segala aspek.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Sarawak dan Pejabat Pelajaran Gabungan Betong, Pengetua SMK Bahasa Malaysia Saratok, Tn. Hj. Rahim bin Ibas, pengetua-pengetua sekolah dan guru-guru yang terlibat atas segala kerjasama yang telah diberikan.

Penghargaan buat suami yang tercinta, Noormohd Hafiz bin Mohd Noor yang telah memberikan semangat dan galakan, bersabar serta mendoakan kejayaan saya, kedua ibu bapa dan mertua yang dikasihi, adik-adik yang tersayang serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya. Jutaan ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada Encik Sepawi bin Naie sekeluarga serta Encik Husni bin Ismail yang begitu banyak meluangkan masa untuk membantu saya sepanjang saya mengikuti kursus ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, budi baik dan keikhlasan yang diberikan itu akan saya kenang sepanjang hayat dan hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalasnya.

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin terhadap pengurusan disiplin di sekolah-sekolah menengah daerah Saratok serta melihat hubungan antara (a) sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan terhadap pengurusan disiplin pelajar dan (b) sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran pengurusan disiplin. Sampel kajian ialah 55 orang guru disiplin di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok, Sarawak. Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat seperti profil responden, status sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Kajian yang dilakukan terhadap soal selidik yang digunakan memperolehi nilai koefisien kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0,963. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 17.0. Data dianalisis menggunakan min, sisihan piawai, frekuensi, peratus, ujian-t dan Korelasi Pearson. Statistik deskriptif digunakan untuk melapor data profil responden. Ujian-t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan jantina. Korelasi Pearson pula digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara status sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin. Dapatan utama daripada kajian menunjukkan (1) Sikap, tahap pengetahuan dan tahap pengalaman guru disiplin berada pada tahap sederhana; (2) tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan; dan (3) terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

## ABSTRACT

The main aim of this research is to determine the attitude, the level of knowledge and skills of discipline teachers in managing discipline in secondary schools in the district of Saratok and to identify the relationship between (a) attitude of discipline teachers and the level of knowledge towards discipline management and (b) the attitude of the discipline teachers and the level of skills of discipline management. The sample consisted of 55 teachers from five secondary schools in Saratok, Sarawak. The instrument used for gathering the information on respondents profile, attitude, knowledge level and skill level is a set of questionnaire. The study for the questionnaire showed the reliability coefficients Alpha Cronbach 0.963. The data was analyzed using the Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 17.0. The data was analyzed by using the mean, standard deviation, frequency distribution, percentage, t-test and Pearson's Product-Moment Coefficient of Correlation. Descriptive statistics was used to present the profile data of the respondents, attitude, knowledge and skill level of the discipline teachers. T-test was used to identify the differences in their attitude, knowledge and skill levels. Pearson's Product-Moment Coefficient of Correlation was used to identify the relationship between the attitude of discipline teachers and their knowledge and skill levels according to their experience as discipline teachers. The results of this study showed (1) the attitude and the knowledge and skill levels of the teachers are moderate; (2) there was no significant difference between attitude, knowledge and skill level of male discipline teachers and female discipline teachers; and (3) there was a significant correlation between attitude and knowledge level, attitude and skill level based on their experience in discipline management.

## KANDUNGAN

	Halaman
KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB I      PENGENALAN	
Pendahuluan	1
Pernyataan Masalah	3
Tujuan Kajian	6
Objektif Kajian	7
Soalan Kajian	7
Hipotesis Kajian	8
Kerangka Konseptual Kajian	9

Pendekatan Model Sistem	11
Kepentingan Kajian	13
Batasan Kajian	14
Definisi Operasi	15
Kecekapan	15
Pengurusan	16
Disiplin	16
Pengurusan disiplin	17
Pengetahuan	18
Kemahiran	18
Sikap	18
Guru disiplin	19
Masalah disiplin pelajar	19
Kesimpulan	20

## BAB II      TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan	21
Model Perkembangan Guru	21
Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	23
Model Penghasilan Kerja Berkesan	25
Kajian Berkaitan Kecekapan Guru Disiplin Terhadap Pengurusan Disiplin	26
Masalah Pengurusan Disiplin	28
Kesimpulan	34

### BAB III METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan	35
Reka bentuk Kajian	35
Populasi dan Persampelan	36
Lokasi Sekolah	36
Instrumen Kajian	37
Kajian Rintis	38
Prosedur Pengumpulan Data	39
Analisis Data	40
Kesimpulan	42

### BAB IV DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan	43
Analisis Latar Belakang Responden	43
Dapatan Kajian	48
Sikap guru disiplin terhadap peningkatan pengetahuan asas disiplin	49
Sikap guru disiplin terhadap peranan moral	51
Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip-prinsip asas disiplin	53
Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin	54

Tahap kemahiran guru disiplin terhadap strategi asas pengurusan disiplin	56
Analisis Hipotesis Kajian	57
Perbezaan sikap guru disiplin berdasarkan jantina	58
Perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan jantina	58
Perbezaan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan jantina	59
Hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	60
Hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	61
Rumusan Pengujian Hipotesis	62
Kesimpulan	63
 <b>BAB V        PENUTUP</b>	
 Pendahuluan	 64
Ringkasan Kajian	65
Perbincangan Dapatan Kajian	66
Sikap guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	66
Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	71
Tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	71
Perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan jantina	72

Hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin	74
Hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin	75
Kesimpulan Dapatan Kajian	75
Implikasi Kajian	76
Cadangan Kajian Lanjutan	78
Cadangan kepada KPM, JPN dan PPD	78
Cadangan kepada Institut Aminuddin Baki	79
Cadangan kepada pengetua/guru besar sekolah	79
Kesimpulan	79
 RUJUKAN	 81
LAMPIRAN	
A Soal Selidik Kajian	
B Surat Kebenaran dari Kementerian Pelajaran Malaysia	
C Surat Kebenaran dari Jabatan Pelajaran Kuching	
D Output Statistik Kajian	

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Anggaran kekuatan hubungan pekali korelasi	41
4.1	Jantina guru disiplin	44
4.2	Umur guru disiplin	44
4.3	Pengalaman mengajar	45
4.4	Pengalaman sebagai guru disiplin	46
4.5	Jumlah pelajar di sekolah	46
4.6	Jawatan yang disandang selain guru disiplin	47
4.7	Peluang mengikuti kursus pengurusan disiplin	48
4.8	Sikap guru disiplin terhadap meningkatkan pengetahuan asas disiplin	49
4.9	Sikap guru disiplin terhadap peranan moral	51
4.10	Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip-prinsip disiplin	53
4.11	Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin	54
4.12	Tahap kemahiran guru disiplin terhadap strategi pengurusan disiplin	56
4.13	Hasil ujian-t perbandingan sikap guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin	58

4.14	Hasil ujian-t perbandingan tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin	58
4.15	Hasil ujian-t perbandingan tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin	59
4.16	Korelasi antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	60
4.17	Korelasi antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin	61
4.18	Rumusan pengujian hipotesis	62

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Model interaksi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran	10
1.2	Kerangka konseptual kajian	12
2.1	Model kompetensi <i>iceberg</i>	24
2.2	Model penghasilan kerja yang berkesan	25

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Pendahuluan**

Era globalisasi merupakan kemunculan suatu cabaran baru dunia tanpa sempadan yang telah menjadikan kecekapan sumber manusia sebagai aset yang amat bernilai kepada sesebuah Negara. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (PIPP 2001-2010) juga berteraskan kepada peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan pada setiap peringkat iaitu Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Bahagian dan Daerah (PPB/PPD), sekolah serta semua institusi dan agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

PIPP ini telah dilaksanakan dengan harapan agar semua program pembangunan pendidikan berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat dengan menggunakan sumber-sumber yang ada secara optimum. Pelaksanaan disiplin di sekolah adalah sama pentingnya dengan penyebaran ilmu pengetahuan. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah mempunyai perkaitan yang kukuh dengan kesempurnaan disiplin seseorang pelajar. Pelajar yang berjaya dalam segala bidang kehidupan sering kali terdiri daripada mereka yang berdisiplin.

Selain itu juga, disiplin yang tinggi akan melahirkan individu atau pelajar yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, bangsa dan negara. Hal ini membuktikan bahawa disiplin sekolah yang baik dan sempurna akan menghasilkan banyak faedah kepada guru dan pelajar terutamanya dalam pelaksanaan proses pengajaran dan

pembelajaran yang berkesan. Di peringkat sekolah khususnya, kejayaan pelaksanaan program pendidikan bergantung pada kecekapan pihak pentadbir dan para guru dalam melaksanakan peranan mereka di samping sokongan penuh yang diberikan oleh pihak ibu bapa. Salah satu peranan penting guru di sekolah antara lain ialah mengawal disiplin pelajar supaya pembelajaran dan iklim sekolah berjalan dengan baik (Ishak, 2004).

Pengetua dan guru besar yang mengetuai hierarki paling atas dalam pengurusan di sekolah bertanggungjawab penuh terhadap tugas pengurusan pelajar. Robiah (1998) memberikan cadangan supaya pihak pentadbir bersama-sama mencari punca ke arah berlakunya salah laku pelajar dan merumuskan bentuk cadangan atau langkah pencegahan kelakuan anti disiplin yang wujud di sekolah supaya pengurusan disiplin para pelajar dapat dijalankan dengan berkesan. Peraturan yang dilaksanakan di sekolah umumnya dibentuk berlandaskan kepada garis panduan Peraturan-Peraturan Disiplin Sekolah 1957 dan Surat-Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM.

Dalam mengatasi masalah disiplin atau peraturan sekolah misalnya terdapat banyak pekeliling yang telah dikeluarkan dengan tujuan untuk Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Bahagian dan Daerah (PPB/PPD), semua pengetua dan guru besar supaya mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memantapkan pengurusan disiplin di sekolah-sekolah. Pengurusan hal ehwal murid (HEM) hendaklah dimantapkan serta dipertingkatkan kecekapannya di pelbagai peringkat institusi pendidikan iaitu di JPN, PPB/PPD dan sekolah. Pengetua/guru besar dan guru penolong kanan HEM hendaklah memikul tanggungjawab bagi melaksanakan sistem pengurusan HEM yang berkesan serta mempunyai rekod murid yang kemaskini (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001).

Setiap sekolah mestilah mempunyai jawatankuasa disiplin sekolah yang aktif dalam menjalankan tugas perancangan dan pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah. Semua pihak perlu menggembelng tenaga dan memberikan seluruh komitmen terhadap pihak sekolah dalam memastikan masalah disiplin dapat diatasi dengan sebaik yang mungkin. Ishak (2004) dalam kajiannya telah menyenaraikan kriteria pemilihan dan pelantikan guru disiplin di mana pihak sekolah perlu mengambil kira kecekapan individu seperti berikut :

- i. Tahap pengetahuan guru terhadap tatacara prosedur, garis panduan, konsep dan matlamat disiplin dan mampu mengendalikan program pemantapan disiplin.
- ii. Tahap kemahiran guru dalam menggunakan strategi asas pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan disiplin.
- iii. Sikap guru terhadap bidang disiplin pelajar di sekolah.

Terdapat banyak faktor lain yang turut memberi kesan terhadap kecekapan pengurusan disiplin di sekolah. Namun untuk kajian ini, tumpuan hanya diberi terhadap faktor yang mempengaruhi kecekapan dalam kalangan guru disiplin bagi menangani masalah disiplin pelajar.

### **Penyataan Masalah**

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001 telah membincangkan tentang semua guru adalah guru disiplin. Hakikatnya memang benar dan telah memberi implikasi yang pelbagai dalam masyarakat umum kita tetapi ada sesetengah pihak cenderung kepada salah tanggapan di mana ia memutuskan bahawa semua guru mempunyai kebolehan,

kelayakan, kebijaksanaan, kepakaran, kepandaian dan kepantasan untuk menangani masalah disiplin yang timbul di sekolah.

Kecekapan guru terhadap kerja-kerja disiplin pelajar harus dilihat secara menyeluruh. Ia bukan sekadar mengenai kebolehan guru dalam menyoal pelajar, menyasat, menentukan dan mengesahkan kesalahan atau pun melaksanakan hukuman terhadap pelajar sahaja sebaliknya, ia turut memerlukan pelbagai pengetahuan dan kemahiran-kemahiran lain seperti proses merekod segala kesalahan atau hukuman yang dikenakan kepada pelajar, menilai, memantau, bekerjasama dengan ibu bapa, menjadi badan penasihat kepada Lembaga Pengawas Sekolah, menyasat kesalahan yang berlaku, mengutamakan konsep keadilan dan ketelusan, merancang program pencegahan dan pemupukan nilai-nilai murni, membina jaringan komunikasi yang berkesan dan sebagainya yang berhubung kait dengan pembinaan jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar yang stabil (Ishak, 2004). Beliau turut menegaskan bahawa pembentukan disiplin diri pelajar adalah lebih baik jika mereka menerima input daripada guru dan ibu bapa dengan berkesan.

Sebaliknya pengurusan disiplin yang tidak cekap akan mewujudkan peraturan sekolah yang agak keras dan zalim, menafikan hak individu pelajar, hilangnya keyakinan dan rasa hormat pelajar terhadap guru, ibu bapa dan masyarakat terhadap sekolah seterusnya menimbulkan konflik antara ibu bapa, guru dan pelajar yang seterusnya akan menjejaskan iklim dan persekitaran sekolah. Peranan mendidik, membentuk sikap, nilai, kepatuhan, kesetiaan dan akhlak pelajar di rumah bergantung kepada pihak penjaga dan akan dipikul oleh pihak guru apabila pelajar ini hadir ke sekolah di mana ia akan bergantung kepada kredibiliti para guru. Oleh sebab disiplin membawa maksud

pendidikan dan kawalan maka ia perlu dipupuk dengan teliti, cekap dan berkesan agar kesanggupan untuk pelajar mematuhi peraturan dan undang-undang itu hadir secara semulajadi dalam diri mereka dan bukannya secara paksaan.

Kemelut disiplin yang berlaku di negara ini menyebabkan pihak guru dan ibu bapa saban hari disogokkan dengan pelbagai tuduhan yang membebankan walaupun masalah disiplin yang kita alami tidaklah seburuk seperti yang berlaku di sekolah-sekolah di negara luar. Dalam tempoh lima tahun (2003-2007), data salah laku pelajar menunjukkan ianya berada pada kadar purata 2.0%. Isu-isu utama termasuk ponteng sekolah, buli dan jenayah yang sentiasa menghantui kita (KPM, 2008). Namun ia bukan bererti pihak sekolah dan ibu bapa boleh memandang remeh terhadap pengurusan disiplin pelajar.

Masalah disiplin ini tidak harus dibiarkan ianya terus berakar umbi dan merebak tanpa sebarang reaksi kerana kebanyakan cadangan yang dikemukakan hanya tinggal cadangan sahaja akhirnya. Ini kerana pelajar yang melakukan kesalahan ini sebenarnya kekurangan perhatian daripada ibu bapa dan guru seterusnya mencari jalan keluar yang mudah untuk mendapat perhatian daripada keduanya dengan melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan peraturan yang ada. Kesannya, bukan setakat imej sekolah dan KPM sahaja yang terjejas malah dalam kes-kes tertentu ia turut memberi ancaman terhadap keselamatan awam dan negara. Semenjak Mac 2006, Sistem Aduan Disiplin Murid telah dimantapkan dalam bentuk laman web agar ruang murid dan masyarakat membuat aduan menjadi lebih mudah.

Sekolah adalah satu sistem interaksi sosial yang terdiri daripada individu-individu yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Hasil interaksi tersebut akan menentukan prestasi pencapaian sesebuah sekolah (Seo, 1996). Satu sistem yang

dinamakan e-Disiplin telah dibangunkan oleh Pengarah Pusat Teknologi Maklumat Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Dr. Md. Yazid Mohd Saman bersama tujuh lagi pensyarah yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan komputer. Aliran kerja sistem ini adalah kesemua proses menjatuhkan hukuman terhadap pelajar bergantung kepada input-input kesalahan yang disahkan oleh lembaga disiplin. Rekod merit kesalahan pelajar akan dikemaskini secara automatik dan ia akan memberi kesan kepada *rating* disiplin sesebuah sekolah (Utusan Malaysia, 2008).

Berdasarkan masalah-masalah yang dibincangkan di atas, maka pengkaji merumuskan bahawa guru disiplin memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan pengurusan disiplin. Kajian lepas menunjukkan terdapat hubungan antara masalah disiplin pelajar dengan iklim sekolah (Tam, 1999), prestasi akademik pelajar (Ong, 2003), motivasi guru (Idris, 1988), *burn-out* (Faridah & Zubaidah, 1999) dan stres (Sapora, 2002).

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin dalam menangani masalah pelajar sekolah menengah daerah Saratok, Sarawak.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian adalah untuk :

- i. Mengenal pasti sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok terhadap pengurusan disiplin.
- ii. Melihat perbezaan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok terhadap pengurusan disiplin.
- iii. Melihat hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

## **Soalan Kajian**

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap sikap guru disiplin terhadap peningkatan pengetahuan disiplin?
2. Apakah tahap sikap guru disiplin terhadap peranan moral seseorang guru disiplin?
3. Apakah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip disiplin?
4. Apakah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin di sekolah?

5. Apakah tahap kemahiran guru disiplin mengenai strategi asas pengurusan disiplin?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan sikap guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin pelajar?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan tahap pengetahuan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin pelajar?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan tahap kemahiran guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin pelajar?
9. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin?
10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin?

### **Hipotesis Kajian**

Kajian ini juga mengemukakan hipotesis-hipotesis bagi memantapkan proses analisis data. Hipotesis-hipotesis berkenaan adalah seperti berikut:

- H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan sikap guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

- H<sub>O2</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan tahap pengetahuan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.
- H<sub>O3</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan tahap kemahiran guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.
- H<sub>O4</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin.
- H<sub>O5</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin.


### **Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian ini meninjau kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin sekolah menengah di daerah Saratok, Sarawak. Satu kerangka konsep kajian telah dibina berdasarkan Model Kompetensi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Canada yang dikemukakan oleh Malek dan Liew (2002). Tumpuan utama model ini ialah ciri pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menyempurnakan sesuatu tugas. Kemahiran, pengetahuan dan sikap seseorang individu dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi individu.

Berpandukan model tersebut, kecekapan seseorang individu ditentukan melalui interaksi antara tiga domain iaitu ciri peribadi, ciri pengetahuan dan ciri kemahiran individu. Peribadi yang positif serta tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap sesuatu kerja disiplin akan menghasilkan tahap kecekapan individu yang tinggi.

Sebaliknya, ketidakseimbangan terhadap interaksi faktor tersebut akan menghasilkan kecekapan individu pada tahap rendah. Pengkaji juga telah membuat pengubahsuaian ke atas model dengan hanya membataskan ciri peribadi terhadap satu aspek iaitu aspek sikap sahaja dengan andaian bahawa sikap adalah sebahagian daripada domain peribadi dan juga mempengaruhi perilaku (Ahmad Sukri, 2002).

Oleh itu, Model Kompetensi baru yang terbina adalah berdasarkan interaksi antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menyempurnakan sesuatu tugas seperti Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1: Model interaksi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran.

(Adaptasi daripada Model Kompetensi oleh Malek dan Liew, 2002)

Andaian-andaian asas dalam Model Kompetensi ini ialah:

- i. Kecekapan individu berasaskan kepada tiga ciri iaitu sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran. Ketiga-tiga ciri ini saling berinteraksi dan melengkapi.
- ii. Ketiga-tiga aspek kecekapan ini dapat diukur menerusi soal selidik.

- iii. Penentuan dan pemilihan ciri-ciri kemahiran dan pengetahuan terhadap pengurusan disiplin dilakukan dengan merujuk kepada tinjauan pengkaji terhadap kajian empirikal berkaitan dengan keperluan dan tanggapan terhadap latihan bagi guru disiplin oleh Ishak (2004) yang diadaptasikan daripada kajian Thock (2003) dan juga kajian Mohd Nizam (2000). Menurut Amstrong & Baron (2000), sebarang persetujuan dan penilaian terhadap ciri-ciri kecekapan akan melibatkan kesahan dan kebolehpercayaan sekiranya tidak berdasarkan kajian empirikal bagi menentukan kesesuaian dan ketepatan.

#### **Pendekatan Model Sistem.**

Pendekatan Model Sistem telah berkembang pada tahun 1960-an. Organisasi dilihat sebagai satu sistem yang menerima input, memproses input tersebut dan mengeluarkan hasil sebagai output (Jaafar, Mohd. Nizam & Zafir, 2001). Lunenburg dan Orstein (1996) mencadangkan bahawa organisasi mesti dipelajari dengan melihat secara keseluruhan. Ini memberi pengertian bahawa untuk memahami sesebuah organisasi ia haruslah melihat hubungan antara bahagian-bahagian dalaman dengan bahagian-bahagian persekitaran luaran.

Dalam konteks organisasi pendidikan, institusi sekolah merupakan satu sistem yang mengandungi pelbagai subsistem lain seperti kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal pelajar. Setiap subsistem ini pula mempunyai subsistem lain yang lebih kecil. Badan disiplin merupakan subsistem kecil di bawah unit hal ehwal pelajar.



Kajian Varathan (2001) mendapati masalah disiplin pelajar adalah berpunca daripada persekitaran luaran dan dalaman sekolah. Dalam hal ini, keberkesanan pengurusan disiplin bergantung pada sumber manusia yang terlibat. Penyesuaian dan perubahan yang berlaku akan mengimbangi putaran sistem. Penyesuaian ini merupakan proses meletakkan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin pada satu tahap yang tinggi dengan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

### **Kepentingan Kajian**

Pelbagai andaian telah dibuat oleh pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat terhadap kewibawaan institusi sekolah menangani isu-isu disiplin pelajar. Kajian ini ingin melihat kecekapan pengurusan disiplin sekolah berdasarkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru disiplin dalam mengendalikan kes-kes salah laku pelajar. Lantaran itu, kajian ini akan melihat item-item yang mempengaruhi kecekapan tugas seorang guru disiplin.

Seorang guru disiplin harus bertanggungjawab terhadap disiplin pelajar dengan memberi tumpuan terhadap langkah kawalan dan pencegahan sesuatu masalah disiplin. Kedua-dua pendekatan ini memerlukan komitmen dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi daripada guru disiplin. Kajian ini cuba meninjau kecekapan pengurusan disiplin di sekolah-sekolah menengah kawasan sekitar daerah Saratok.

- i. Hasil dapatan kajian ini dijangka berguna untuk dijadikan panduan dan rujukan umum pelbagai pihak yang berkepentingan dengannya seperti PPD Kecil Saratok, PPG Bahagian Betong dan Jabatan Pelajaran Sarawak amnya untuk menilai, merancang serta mengadakan kursus dalam perkhidmatan untuk guru

disiplin bagi meningkatkan tahap pelaksanaan kepemimpinan pengurusan disiplin di sekolah pada masa akan datang.

- ii. Seterusnya, ia juga memungkinan kepada tindakan pembangunan sumber manusia di KPM, pegawai-pegawai di JPN dan PPB dalam merancang satu bentuk pelan tindakan yang terperinci, mengatur strategi latihan yang lebih sesuai, berkesan dan bertepatan dengan bidang tugas guru disiplin. Langkah ini dapat meningkatkan tahap kecekapan guru disiplin dan pengurusan disiplin.
- iii. Ia juga dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat kepada masyarakat terhadap persepsi mereka tentang kewibawaan serta peranan guru disiplin di sekolah.
- iv. Selain daripada itu juga, kajian ini dapat dijadikan sebagai satu garis panduan kepada pengurus disiplin dalam menjalankan tugas dan memenuhi harapan masyarakat untuk menjadikan sekolah sebagai institusi yang melahirkan warga yang cemerlang sahsiahnya.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah di kawasan sekitar daerah Saratok. Sampel yang terlibat ialah di kalangan pengurusan disiplin sekolah yang terlibat sahaja. Oleh itu, generalisasi yang akan dibuat berikutnya adalah terbatas dari segi penggunaannya di sekitar daerah Saratok sahaja dan tidak dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang semua sekolah di Sarawak mahupun di seluruh negara.

Kajian ini juga turut melihat kepada beberapa aspek sahaja, jadi kajian seterusnya boleh dijalankan dengan menggunakan lebih banyak aspek dan ini akan memberikan gambaran yang lebih baik.

### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang digunakan secara khusus diberikan pengertian mengikut kehendak kajian dengan merujuk kepada beberapa penulisan sebelum ini. Keterangan definisi operasi dalam kajian ini dijelaskan seperti berikut:

### **Kecekapan**

Menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Zainal Abidin, 1995) menjelaskan istilah kecekapan memberi dua maksud iaitu pertama; diplomasi, kesanggupan, kebolehan, kebiasaan, kelayakan dan kemampuan. Maksud yang kedua ialah kemahiran, kepandaian, kebijaksanaan, muslihat, siasat, taktik, siasah, putar belit, kecerdikan, kepintaran, kebijakan, ketangkasan, kepantasan, kepiawaian dan kehandalan.

Untuk penggunaan kajian ini, maksud kecekapan merujuk kepada kebolehan dan kemampuan seseorang guru disiplin dalam melakukan tugas pengurusan disiplin di sekolah. Kebolehan guru disiplin ditentukan oleh sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang dimiliki. Ishak (2004) menyatakan sikap, tahap kemahiran dan tahap pengetahuan yang tinggi menunjukkan kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin berada pada tahap tinggi sebaliknya status sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang rendah menunjukkan kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin berada pada tahap rendah.

## **Pengurusan**

Rahim (1994) pula mendefinisikan pengurusan sebagai sebarang aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal penglibatan ahli-ahli yang berada di dalam organisasi tersebut.

Pengurusan adalah penting dalam setiap bentuk organisasi di mana menurut Edwards (1997), pengurusan dianggap sebagai proses untuk menjadikan sesuatu aktiviti sempurna melalui orang lain. Proses ini berjalan di bawah pengawasan seorang pengurus. Sementara itu, Zaidatul Akmaliah (2001) menyatakan bahawa pengurusan adalah satu proses sosial yang wujud untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan dalam kalangan ahli untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi.

## **Disiplin**

Disiplin membawa maksud yang amat luas. Ia merupakan bidang yang penting ke arah pemupukan individu yang berakhlak dan berjaya dalam kehidupan. Dalam kajian ini, disiplin merujuk kepada tingkah laku pelajar sama ada berbentuk dalaman (emosi) atau luaran (fizikal) yang memberi kesan kepada individu-individu lain.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, maksud disiplin adalah berdasarkan Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Yang Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1981 mentakrifkan disiplin sebagai kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar mahupun yang dimiliki melalui kerelaan diri sendiri.

Ibrahim (2001) menyatakan bahawa disiplin ialah peraturan yang dipersetujui bersama oleh sekelompok manusia bagi mewujudkan tingkah laku yang baik. Ia bertujuan melicinkan perjalanan hidup kelompok itu.

Disiplin juga bermaksud kesanggupan seseorang itu bekerja dan membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu sama lain, mempunyai semangat tolong-menolong serta sanggup memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

### **Pengurusan disiplin**

Pengurusan disiplin merujuk kepada peranan, tanggungjawab dan aktiviti kerja guru-guru disiplin dalam memastikan pelajar sentiasa patuh kepada sistem peraturan dan tata tertib yang ditetapkan oleh pihak KPM agar memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Omardin (1996) telah mengemukakan satu model di mana struktur organisasi Lembaga Disiplin Sekolah adalah terdiri daripada pengetua yang menerajui lembaga tersebut dan penolong kanan HEM dilantik sebagai setiausaha manakala ahli lembaga yang lain terdiri daripada penolong kanan pentadbiran, penyelia petang, semua guru pengawas, guru disiplin, kaunselor, guru agama dan juga penyelia asrama.

Pihak pengurusan disiplin sekolah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas merancang, mengelola, mengarah, mengawal sumber-sumber dengan cekap dan berkesan ke arah meningkatkan prestasi disiplin secara keseluruhan.

## **Pengetahuan**

Kamus Dewan (2003) mentakrifkan pengetahuan sebagai ilmu tentang sesuatu bidang. Oleh itu pengetahuan terhadap pengurusan disiplin dalam kajian ini bermaksud pemahaman tentang prinsip, konsep, falsafah, prosedur tindakan, hukuman, peranan moral dan juga program pementapan disiplin.

## **Kemahiran**

Mengikut Kamus Lengkap (Awang Sudjai & Yusuff Khan, 1977), kemahiran bermaksud pandai, lancar, cekap, terlatih untuk mengerjakan sesuatu manakala Kamus Dewan (2003) merujuk maksud kemahiran sebagai terlatih menggunakan sesuatu, cekap, lancar dan pandai. Maksud kemahiran dalam kajian ini ialah merujuk kepada kemampuan guru disiplin menggunakan segala maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan pengurusan disiplin.

## **Sikap**

Sikap adalah paparan-paparan tingkah laku individu seperti tidak ambil peduli, sambil lewa, prejudis, dikriminasi, suka dan tidak suka, cuai, malas dan sebagainya (Ahmad Sukri, 2002). Menurut Jones dan George (2003), sikap adalah satu koleksi himpunan perasaan dan kepercayaan. Abdullah dan Ainon (1997) pula berpendapat bahawa sikap adalah keadaan fikiran seseorang yang berada dalam keadaan sedia untuk melakukan penilaian atau tindakan. Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada keinginan guru disiplin untuk meningkatkan pengetahuan terhadap prinsip asas disiplin dan peranan moral terhadap pengurusan disiplin.

## **Guru disiplin**

Dalam konteks kajian ini maksud guru disiplin adalah berdasarkan garis panduan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1988) dalam buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru Di Sekolah.

Berdasarkan kategori ini, mereka yang dimaksudkan sebagai guru disiplin adalah pengetua, penolong kanan kokurikulum dan penolong kanan HEM, guru kokurikulum dan guru kaunselor.

Dalam kes kajian ini, guru disiplin adalah mana-mana guru yang telah diberikan penurunan kuasa oleh pengetua untuk menjalankan tugas disiplin (Ishak, 2004).

## **Masalah Disiplin Pelajar**

Masalah disiplin pelajar atau salah laku merupakan bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial masyarakat. Di sekolah, salah laku merujuk kepada tingkah laku pelajar yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Kategori masalah ini dirujuk sebagai masalah disiplin pelajar.

Amir Hassan (2002) menyatakan bahawa kes ini merujuk kepada kegagalan pelajar untuk membentuk disiplin yang bersesuaian dan bertepatan dengan peraturan sekolah.

## **Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan pengenalan kepada hala tuju bahagian berikutnya yang merangkumi latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini melihat faktor guru disiplin sendiri dari sudut sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran mereka terhadap pengurusan disiplin.

Di sekolah, guru disiplin merupakan kelompok yang turut mempunyai peranan dalam menentukan keberkesanan organisasi sekolah. Kawalan dan pembentukan disiplin pelajar yang baik memerlukan komitmen guru disiplin malah keperluan terhadap ciri-ciri kecekapan guru disiplin juga dilihat sebahagian daripada input motivasi terhadap kerja guru-guru lain dalam menjalankan *core business* guru di sekolah.

## BAB II

### TINJAUAN LITERATUR

#### **Pendahuluan**

Bab ini menghuraikan konsep-konsep, teori-teori dan penyelidikan-penyelidikan lepas yang berkaitan dengan bidang yang dikaji iaitu hubung kait antara sikap dengan tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin dalam menangani masalah pelajar sekolah menengah daerah Saratok, Sarawak. Pendidikan Negara bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seterusnya menghasilkan pelajar yang bersahsiah dan berdisiplin.

Justeru, semua guru dan guru disiplin khususnya adalah individu yang bertanggungjawab terhadap perkembangan peribadi dan sahsiah pelajar. Abdul Rahman dan Zakaria (1992) menyatakan pelaksanaan disiplin di sekolah merupakan satu usaha untuk menghapuskan salah laku pelajar seterusnya menyuburkan sikap jujur, amanah, bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sosial yang baik.

#### **Model Perkembangan Guru**

Pengkaji telah merujuk konsep kecekapan berdasarkan Model Perkembangan Guru oleh Dreyfus dan Dreyfus (1980) yang menyenaraikan lima peringkat perkembangan guru melalui konsep guru pakar (*experts teacher*). Berpandukan model ini, peringkat perkembangan seseorang guru dilihat berubah dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain sehingga mencapai peringkat tertinggi iaitu tahap yang membolehkan guru tersebut

mencapai tahap kepakaran dan kecemerlangan. Peringkat-peringkat perkembangan Model Perkembangan Guru adalah seperti berikut:

- i. Peringkat *novice* (novis/permulaan) iaitu guru novis pada peringkat ini mula mempelajari fakta, mencari idea, membina pengalaman, kesesuaian, penerimaan orang lain dan pengetahuan tentang peraturan kerja. Guru novis diajar peraturan umum yang dikatakan sesuai untuk semua konteks contohnya 'Berikan pujian pada jawapan yang betul' dan 'Jangan memalukan seseorang pelajar'.
- ii. Peringkat *advanced beginner* (lebih maju) memperlihatkan guru yang telah mengajar selama dua atau tiga tahun berada pada peringkat ini. Guru telah melakukan proses kerja dengan lancar. Namun, guru masih berhati-hati dan kerap melakukan pendekatan cuba jaya.
- iii. Peringkat *competent* (cekap) pula seseorang guru berada pada tahap berwibawa untuk mencapai keyakinan dalam melaksanakan tugas, mampu membuat perancangan kerja sendiri dan ada kecenderungan untuk melakukan tugas tanpa perlu diarah.
- iv. Peringkat *proficient* (mahir) biasanya dicapai oleh guru yang telah mengajar selama lima tahun. Guru yang berada pada peringkat ini mampu untuk mengesan masalah di dalam semua situasi dan berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- v. Peringkat *expert* (pakar), guru akan melakukan sesuatu tugas kerja dengan lancar, mudah, tepat dan berkesan.

Aplikasi Model Perkembangan Guru ke atas kecekapan guru disiplin mendapati tahap ketiga menunjukkan tahap seseorang guru mencapai kecekapan. Seseorang guru yang baru mula berkhidmat dikatakan tidak cekap, tidak berkebolehan, tidak mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja yang berkaitan dengan pengurusan disiplin secara berkesan. Guru-guru baru akan sentiasa berusaha mencari penyesuaian diri daripada hubungan sosial dengan rakan sekerja dalam organisasi.


Proses penyesuaian akan mengambil masa dan sekiranya tiada sokongan yang kuat seperti bantuan daripada rakan sekerja ataupun pihak pengurusan sekolah, proses ini dijangka mengambil masa yang agak panjang. Setelah beberapa tahun (antara lima hingga sepuluh tahun), guru dikatakan telah mencapai tahap kecekapan yang tertentu. Pendapat ini bersesuaian dengan pandangan Shahabuddin dan Rohizani (2002) yang menyatakan bahawa guru baru kurang diberi kepercayaan terhadap peranan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar.

### **Model Kompetensi *Iceberg***

Model Kompetensi *Iceberg* yang telah diperkenalkan oleh Spencer & Spencer (1993) seperti dalam Rajah 2.1 memberi fokus kepada faktor yang menentukan kecekapan individu. Faktor-faktor tersebut merujuk kepada ciri peribadi, kemahiran dan pengetahuan individu. Berdasarkan model ini, pengetahuan dan kemahiran mudah dilihat dengan penglihatan mata kasar manusia (berada di bahagian atas permukaan air) di mana ia merupakan set tingkah laku sementara ciri-ciri peribadi pula adalah ciri yang tersembunyi (berada di bawah permukaan air) yang amat sukar dikesan.

Secara relatif, kemahiran dan pengetahuan seseorang akan lebih mudah terserlah berbanding dengan ciri-ciri peribadi ketika melakukan sesuatu kerja.

Ciri-ciri peribadi individu tersebut seperti suka atau tidak agak sukar untuk diukur, diubah, ditingkatkan dan dikawal. Menurut model ini, ciri-ciri peribadi hanya dikesan dalam bentuk paparan tingkah laku setelah sekian lama ciri tersebut dipraktikan. Dalam konteks kajian ini, fokus kajian terhadap ciri peribadi dibataskan kepada faktor sikap. Seseorang individu yang mempunyai sikap positif terhadap kerja diandaikan sentiasa mempamerkan ciri-ciri tingkah laku yang positif seperti rajin, datang awal ke tempat kerja, pulang lewat, sentiasa berada di tempat kerja walaupun di luar masa rasmi, tidak suka ponteng, menjalankan tugas dengan baik, menepati masa yang ditetapkan dan melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh tanpa perlu diarah di mana sikap yang positif terhadap kerja memberi kesan ke atas tingkah laku dan prestasi kerja individu.




Rajah 2.1: Model Kompetensi Iceberg

(Sumber: Spencer & Spencer, 1993)

### **Model Penghasilan Kerja Berkesan**

Model penghasilan kerja yang berkesan (Boyatzis, 1982) merujuk kepada kecekapan seseorang individu melakukan kerja menerusi tingkah laku kerja yang berkesan. Seseorang individu dikatakan mempunyai kecekapan sekiranya ia berupaya mengekalkan tingkah laku tersebut secara berterusan selaras dengan dasar, prosedur dan persekitaran organisasi. Rajah 2.2 menunjukkan hubungan ketiga-tiga komponen tersebut dengan tingkah laku kerja yang berkesan.



*Rajah 2.2: Model Penghasilan Kerja yang Berkesan*

(Sumber: Ubahsuai daripada Model Penghasilan Kerja yang Berkesan, Boyatzis, 1982)

Berdasarkan model ini, tingkah laku kerja yang berkesan dipenuhi apabila tiga komponen utama iaitu kecekapan individu, keperluan kerja dan persekitaran organisasi berada dalam keadaan seimbang. Ketidakseimbangan dalam salah satu komponen

tersebut akan memberi kesan terhadap tingkah laku yang terhasil dan pencapaian organisasi.

Kecekapan individu merujuk kepada kebolehan individu melakukan sesuatu tugas. Keperluan kerja merujuk kepada jangkaan individu terhadap tugas yang akan dilakukan dan persekitaran organisasi pula merujuk kepada beberapa aspek pengurusan tugas yang dijangkakan oleh seseorang individu.

### **Kajian Berkaitan Kecekapan Guru Disiplin Terhadap Pengurusan Disiplin**

Bahagian ini akan membincangkan kajian dan penulisan yang pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji berhubung dengan aspek pengurusan disiplin sekolah. Sehingga ke hari ini, belum ada lagi pengkaji yang menemui kajian-kajian yang menjurus kepada perbincangan khusus tentang kecekapan guru disiplin di sekolah ataupun kecekapan pengurusan disiplin secara khusus.

Namun begitu, terdapat banyak kajian yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung tentang pengurusan disiplin dan guru-guru disiplin. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Dzulkarnain (1992), Rashid (2005), Thock (2003), Rosli (1998), Mohd Amin (1998) dan juga Loh (1995). Kajian yang dijalankan oleh Dzulkarnain (1992) mendapati bahawa kawalan disiplin di sekolah menjadi lebih berkesan jika pengetua sendiri bertindak ke atas pelajar yang melakukan kesalahan. Selain itu, kerjasama yang baik antara pengetua, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat amatlah diperlukan untuk mengawal disiplin pelajar.

Rashid (2005) menyatakan masalah disiplin pelajar harus dihadapi dengan pendekatan yang pelbagai dan yang paling penting ialah mencari punca berlakunya masalah disiplin pelajar seterusnya mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini.

Kajian oleh Thock (2003) tentang keperluan latihan dalam kalangan guru-guru disiplin mendapati keperluan guru disiplin terhadap pengetahuan berkaitan kerja-kerja disiplin adalah tinggi. Kajian beliau juga turut mengesan jenis-jenis keperluan kemahiran yang diperlukan oleh guru disiplin. Antara lain, guru disiplin memerlukan pelbagai kemahiran seperti kemahiran mengawal emosi, komunikasi, kaunseling, memujuk, bertutur banyak bahasa, mengendalikan masalah disiplin, mengumpul maklumat, pengucapan awam, merancang aktiviti, membuat keputusan dan juga kemahiran untuk berhadapan dengan sikap ibu bapa.

Rosli (1998) dalam kajiannya ke atas sekolah-sekolah kawasan Hulu Langat pula mendapati amalan pelaksanaan disiplin di sekolah-sekolah daerah Hulu Langat mempunyai banyak persamaan dengan sekolah-sekolah lain. Kajian beliau juga mendapati guru-guru disiplin mempunyai anggapan bahawa pelajar-pelajar mengetahui peraturan sekolah dan amalan tindakan disiplin bagi kesalahan yang dilakukan. Kebanyakan guru disiplin beranggapan ibu bapa tidak mengetahui peraturan dan amalan disiplin bagi kesalahan yang dilakukan.

Mohd Amin (1998) pula menyatakan terdapat juga ibu bapa yang sukar menerima kenyataan bahawa anak mereka melakukan kesalahan. Ibu bapa berkenaan selalunya tidak mahu memberikan kerjasama kepada pihak sekolah dan pihak pengurusan disiplin sebaliknya melindungi pula anak mereka yang tidak berdisiplin itu. Kajian yang dijalankan oleh Loh (1995) pula telah menyentuh tentang masalah beban tugas guru

disiplin yang semakin bertambah akibat tindakan guru-guru lain yang menyerahkan kes-kes disiplin yang tidak dapat mereka selesaikan kepada guru-guru disiplin.

### **Masalah Pengurusan Disiplin**

Aspek kepimpinan dilihat sebagai suatu aspek yang penting dalam pengurusan disiplin. Kepimpinan merupakan satu proses individu menggunakan potensi kemahiran akal fikiran, keupayaan, kebolehan, kebijaksanaan untuk memerintah, mengarah dan mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu kerja secara sukarela. Yulk (2002) mentafsirkan kepimpinan sebagai suatu proses yang mempengaruhi orang lain untuk memahami dan bersetuju tentang apa yang perlu dilakukan dan bagaimana cara untuk melakukannya dengan cara yang berkesan seterusnya memudahkan seseorang menyumbangkan usaha mereka ke arah mencapai matlamat yang sama.

Pengetahuan dan kemahiran guru dalam aspek-aspek tersebut banyak membantu kerja guru dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan disiplin. Walaupun diakui tiada satu pun pendekatan yang boleh dianggap paling sesuai, tepat dan efektif namun pengetahuan dan kemahiran guru disiplin terhadap kerja-kerja disiplin dengan menggunakan model-model teori tingkah laku ini merupakan satu kelebihan dalam membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan disiplin. Langkah ini dapat membantu guru memahami serta menyelesaikan masalah-masalah disiplin yang berlaku (Rohaty, 1999).

Pendekatan menangani masalah disiplin masih merupakan *individual task* yang berlangsung secara *face to face* antara seseorang guru disiplin dengan pelajar. Pendekatan penyelesaian bergantung kepada kebolehan individu masing-masing. Bantuan daripada

pihak lain hanya diperlukan sekiranya berlaku kes-kes disiplin yang serius (Thock, 2003). Salah satu cara membantu guru mengatasi masalah disiplin ialah mewujudkan kerjasama dengan melibatkan guru-guru merancang penyelesaian masalah. Guru-guru disiplin dapat berbincang berdasarkan pengetahuan dan kemahiran mereka terhadap kaedah penyelesaian masalah.

Pendekatan penyelesaian masalah dilaksanakan berdasarkan langkah-langkah yang tepat dan berkesan. Antaranya, peringkat permulaan ialah peringkat guru disiplin mengesan masalah disiplin yang berlaku berdasarkan tinjauan menerusi pandangan ibu bapa, guru-guru lain dan para pelajar. Ini diikuti dengan pengumpulan maklumat, mengklasifikasikan masalah, menerima pandangan dan cadangan penyelesaian, melakukan tindakan, menilai semula tindakan dan memantau situasi baru yang wujud selepas mengikuti langkah-langkah penyelesaian bagi masalah berkenaan.

Tingkah laku guru mempunyai pengaruh terhadap disiplin pelajar. Tingkah laku guru merujuk kepada sikap yang dipamerkan oleh guru sama ada ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas ataupun ketika berada di luar kelas. Menurut Ruslina (1998), seorang guru bukan sahaja mahir dalam mengajar malah membentuk sikap dan nilai akhlak menerusi pelaksanaan disiplin yang baik. Tingkahlaku yang baik harus menjadi keutamaan guru disiplin dalam menerapkan nilai-nilai disiplin terhadap pelajar.

Guru disiplin juga perlu mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan disiplin bagi tujuan meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas. Antara kursus yang berkaitan ialah kursus mengawal perlakuan, menggunakan pendekatan kaunseling dan kursus memberi mata penalti secara berkesan. Kajian yang

pernah dijalankan oleh Mohammed Sani (1992) mendapati program pendidikan guru dalam perkhidmatan kurang memberi perhatian terhadap kemahiran guru mengawal perlakuan murid.

Thock (2003) menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kriteria pengetahuan dan kemahiran dengan keupayaan menjalankan tugas dengan cemerlang dan beliau mendapati guru-guru disiplin perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran tertentu dalam mengawal salah laku pelajar.

Menurut Mukhtar (2002), faktor kepakaran guru dalam penguasaan ilmu dan menepati perkembangan semasa adalah faktor penting dalam menjamin kejayaan dan kecemerlangan sekolah. Sehubungan dengan itu, program perkembangan staf di sekolah dilihat dapat meningkatkan tahap kecekapan individu. Penglibatan guru terhadap pengurusan disiplin menjadi lebih berkesan sekiranya diberi pendedahan tentang pengetahuan yang berkaitan dengan bidang pengurusan disiplin. Antaranya teknik menyelesaikan masalah dan komunikasi yang berkesan yang sememangnya penting bagi guru-guru disiplin sewaktu mereka mengendalikan kes-kes disiplin di sekolah.

Omardin (1996) mendapati terdapat pelbagai punca lain yang menyumbang ke arah berlakunya masalah disiplin antaranya faktor persekitaran keluarga, hubungan guru-murid, perasaan kecewa yang dialami pelajar, peraturan sekolah yang terlalu ketat dan menindas, kesilapan pihak sekolah dalam pengurusan hal ehwal akademik dan hal ehwal pelajar serta pengaruh rakan sebaya pelajar. Kajian penduduk dan keluarga Malaysia kali ke-4 oleh LPPKN bagi tahun 2007 mendapati ramai remaja melakukan kesalahan disiplin kerana mereka memang suka melakukan dan mencuba sesuatu yang baru tanpa sekatan dari mana-mana pihak (Mastura, Fadilah & Nor Akmar, 2007).

Sehubungan itu, guru disiplin perlu mempunyai pengetahuan tentang kaedah mengesan punca berlakunya masalah disiplin. Guru disiplin perlu mampu menganalisa hubungan faktor yang mempengaruhi disiplin pelajar agar langkah penyelesaian dapat dilakukan dengan berkesan.

Kajian Omardin (1998) menyatakan bahawa masalah disiplin berlaku akibat pengajaran guru yang kurang menarik perhatian pelajar. Kemahiran pedagogi merupakan keperluan penting yang dikaitkan dengan keberkesanan kawalan disiplin pelajar. Pelajar yang menunjukkan minat yang tinggi terhadap pengajaran guru kebiasaannya kurang menunjukkan masalah disiplin. Dalam hal ini, guru disiplin perlu mengawasi keadaan sekolah ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku agar dapat membantu guruguru lain khususnya dalam aspek kawalan disiplin pelajar di dalam kelas

Pengetahuan adalah kefahaman dan ilmu yang harus dimiliki untuk melaksanakan reformasi dalam sistem pendidikan khususnya bidang pengurusan disiplin (Atan, 1984). Dengan ini, pengetahuan yang jelas tentang peraturan-peraturan disiplin yang terkini berserta dengan kemahiran guru disiplin menggunakan model-model teori tingkah laku merupakan sesuatu yang teramat penting. Setiap guru disiplin mestilah mengetahui, memahami dan menjalankan tugas menyelesaikan kes-kes disiplin yang berlaku (Rohaty, Subahan, Mohd. Merah, Faridah & Ahmad Jeffni, 1991) dengan merujuk kepada surat pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh pihak KPM.

Keberkesanan pengurusan disiplin akan menghadapi kegagalan jika wujudnya halangan komunikasi (Abdul Halim, 1994) dalam pengurusan disiplin seperti hukuman yang dijalankan masih merujuk kepada surat pekeliling terdahulu sedangkan prosedur yang berkenaan sudah tidak diguna pakai lagi. Kajian yang dijalankan oleh Teoh (1996)

mendapati hubungan guru dan pelajar amat penting dalam membantu guru mengawal masalah disiplin pelajar. Pendapat ini disokong oleh Haron (1998) menyatakan pelajar-pelajar yang bertindak untuk melakukan kesalahan di sekolah merupakan pelajar yang memerlukan perhatian daripada guru dan juga teknik pengajaran guru tidak mampu untuk menarik minat mereka untuk belajar. Pelajar-pelajar inilah sebenarnya yang memberi petanda kepada guru khususnya guru disiplin agar menilai kembali personaliti diri, kemahiran, pengetahuan dan sikap yang positif terhadap pelajar.

Menurut Rosnah (2003), guru yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik adalah guru-guru yang mempunyai sikap prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa pelajarinya. Faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi kecekapan guru disiplin dalam pengurusan disiplin ialah pengetahuan dan kemahiran guru terhadap program-program yang berkaitan pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar.

Arifin (1998) melalui kajiannya mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sikap guru dengan masalah disiplin yang berlaku di sekolah menengah. Dapatan ini disokong oleh kajian Roosmawaty (2002) yang melaporkan terdapat banyak program yang dikendalikan di peringkat sekolah mampu menjadi pemangkin untuk meningkatkan disiplin pelajar. Beberapa contoh program tersebut adalah seperti program keluarga angkat yang dapat membantu pelajar dengan membincangkan masalah, memberikan nasihat, memberikan bimbingan dan kaunseling, melaksanakan disiplin, menganjurkan dan mengawasi aktiviti riadah, menganjurkan kursus motivasi, program kecemerlangan, program bijak belajar, seminar dan lain-lain lagi. Hasil kajian beliau juga mendapati program yang berkait dengan proses pembentukan akhlak ini berjaya menangani masalah disiplin.

Collis dan Dalton (1997) mendapati guru-guru yang efektif boleh menyampaikan maklumat kepada pelajar supaya mereka dapat memikul tanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan. Guru mestilah bersifat tegas dengan remaja, berkeadaan tenang, positif dan konsisten. Guru juga hendaklah membina hubungan yang positif dengan pelajar melalui perundingan dan bukannya mengadakan situasi menang-menang (*win-win situation*). Guru mestilah mengakui bahawa tidak ada penyelesaian yang mudah dan cepat untuk membantu pelajar yang mempunyai masalah disiplin.

Guru disiplin adalah kumpulan yang sentiasa berhadapan dengan masalah salah laku pelajar. Oleh itu, guru disiplin wajar mempunyai kemahiran menangani masalah tekanan (stress) sebagai langkah meningkatkan kecekapan mereka terhadap pengurusan disiplin di sekolah. Dalam kajian yang dijalankan oleh Amran (2002), mendapati bahawa masalah disiplin merupakan punca keseluruhan tekanan dalam pengurusan di sekolah. Kajian berikutnya oleh Fauziah (2003) juga bersetuju bahawa faktor kemerosotan disiplin pelajar menjadi sebab utama berlakunya tekanan psikologi, fisiologi dan fizikal di kalangan guru seterusnya menjadi punca utama yang menimbulkan masalah tekanan dalam kalangan guru.

Kecekapan pengurusan disiplin mestilah dilihat secara menyeluruh. Ia memerlukan individu guru yang berinovasi dan kreatif dalam merancang program pembentukan sahsiah pelajar. Owens (1998) menyatakan pihak sekolah memerlukan pemimpin yang dapat menguruskan sebarang masalah yang berlaku dengan berkesan. Sasaran kerja-kerja disiplin bukan hanya terhadap pelajar-pelajar bermasalah sahaja sebaliknya pengetahuan dan kemahiran guru merancang program-program pemantapan disiplin yang berkesan penting bagi menarik minat pelajar lain menyertai program

sahsiah pelajar. Penglibatan rakan pelajar yang lain secara tidak langsung akan meningkatkan semangat setia kawan antara pelajar dan mewujudkan iklim sekolah yang harmoni tanpa masalah disiplin.

### **Kesimpulan**

Kecekapan badan disiplin sekolah dalam melaksanakan fungsi kawalan, pencegahan dan pemantapan disiplin pelajar memerlukan korelasi yang kuat antara sikap positif, pengetahuan dan kemahiran guru-guru disiplin. Antara pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seorang guru disiplin ialah mengetahui dan memahami masalah disiplin semasa yang berlaku, mengetahui prinsip-prinsip asas disiplin, mengetahui bidang kuasa seseorang guru disiplin, mengetahui peranan dan tanggungjawab moral terhadap pelajar, mengetahui dan memahami konsep model-model pendekatan tingkah laku, mengetahui arahan-arahan semasa KPM tentang disiplin dan sebagainya.

Kemahiran asas tentang pengurusan disiplin memerlukan guru disiplin memiliki kemahiran seperti kemahiran penyelesaian masalah, menyiasat, memujuk dan mempengaruhi orang lain, melakukan komunikasi berkesan, merancang program pemantapan disiplin dan sebagainya. Guru-guru disiplin memainkan peranan penting dalam mendisiplinkan pelajar.

Oleh itu, sikap guru disiplin yang positif terhadap tugas dan fungsi pengurusan disiplin adalah input asas terhadap kecekapan guru disiplin. Dengan ini, guru-guru disiplin terbukti mempunyai peranan yang jelas dalam pengurusan disiplin. Matlamat utama pengurusan disiplin ialah memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lancar seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan kajian, lokasi sekolah, instrumen kajian, tatacara pengumpulan data dan juga analisis data. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara faktor kecekapan guru disiplin terhadap kerja-kerja disiplin dengan sikap guru terhadap pengurusan disiplin. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan keseluruhan kajian dilaksanakan secara tinjauan. Satu set data soal selidik telah diproses dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferens.

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan berpandukan soal selidik sebagai alat kajian mengumpulkan data. Penggunaan soal selidik merupakan cara yang berkesan untuk mengumpulkan data dari populasi yang besar di samping menjimatkan masa (Kerlinger, 1973).

Kajian ini melibatkan penggunaan instrumen untuk mengutip data. Tinjauan dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Kajian ini melibatkan pemboleh ubah bebas iaitu sikap, tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan kecekapan guru sebagai pemboleh ubah bersandar.

### **Populasi dan Pensampelan**

Dalam konteks kajian ini, guru disiplin adalah berdasarkan garis panduan yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1988) dalam buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru Di Sekolah. Berdasarkan kategori ini, mereka yang dimaksudkan sebagai guru disiplin adalah pengetua, penolong kanan kokurikulum dan penolong kanan HEM, guru kokurikulum dan guru kaunselor. Dalam kes kajian ini, guru disiplin adalah mana-mana guru yang telah diberikan penurunan kuasa oleh pengetua untuk menjalankan tugas disiplin.

Populasi untuk kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru disiplin sekolah menengah di kawasan sekitar daerah Saratok. Maklumat tentang senarai nama sekolah, jumlah guru disiplin dan bilangan sekolah yang terlibat telah diperolehi daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak

### **Lokasi Sekolah**

Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Bahasa Malaysia Saratok, Saratok.
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Saratok, Saratok.
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sri Aman, Saratok.
- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Kalaka, Roban.
- v. Sekolah Menengah Kebangsaan Kabong, Kabong.

## **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan alat ukur jenis soal selidik. Satu set borang soal selidik telah disediakan untuk dijawab oleh guru-guru. Borang soal selidik yang digunakan ini bertujuan mengumpulkan maklumat tentang angkubah-angkubah yang berkaitan dengan keperluan aspek-aspek kecekapan guru berhubung dengan sikap ibu bapa dalam menangani masalah pelajar.

Dua ciri kecekapan yang dikemukakan ialah tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berhubung dengan sikap mereka terhadap pengurusan disiplin pelajar. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang digunakan oleh Thock (2003) dan Ishak (2004).

Borang soal selidik yang disediakan ditujukan kepada guru-guru disiplin yang menganggotai Jawatankuasa Badan Disiplin Sekolah. Borang soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian, iaitu seperti berikut:

a) Bahagian satu:

Bahagian A : mengandungi item-item bagi mengumpulkan data berkaitan dengan latar belakang guru seperti jantina, umur, kaum, pengalaman mengajar, pengalaman sebagai guru disiplin dan jawatan yang disandang selain menjadi guru disiplin serta kursus-kursus disiplin yang dihadiri.

b) Bahagian dua:

Bahagian ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian B, C dan D. Soalan soal selidik meliputi maklumat seperti berikut:

Bahagian B : Sikap guru disiplin yang terdiri daripada dua bahagian iaitu;

- i. Sikap untuk meningkatkan pengetahuan asas disiplin (8 item).
- ii. Sikap terhadap peranan moral guru disiplin (12 item).

Bahagian C : Tahap pengetahuan guru disiplin yang terdiri daripada dua bahagian iaitu;

- i. Pengetahuan terhadap prinsip disiplin (8 item).
- ii. Pengetahuan terhadap program pemantapan disiplin (8 item).

Bahagian D : Tahap kemahiran guru disiplin (10 item).

Semua item soalan untuk bahagian B, C dan D telah diukur dengan menggunakan skala Likert 5 Mata. Responden hanya diperlukan memberi persetujuan tentang persepsi mereka terhadap tahap kecekapan masing-masing.

### **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian soal selidik sebenar diedarkan kepada responden. Ini adalah penting untuk menentukan tahap kebolehpercayaan set soal selidik yang digunakan dalam sesebuah kajian. Kajian rintis tersebut menggunakan *Cronbach Alpha Reliability* bagi memperoleh pekali kebolehpercayaan pada aras keyakinan 5% terhadap pencapaian skor bagi soal selidik berkenaan.

Kajian rintis yang dijalankan ini telah melibatkan 11 orang guru yang memegang jawatan sebagai guru disiplin sekolah. Mereka terdiri daripada kalangan pentadbir (3 orang), guru tingkatan (3 orang) dan kaunselor (2 orang) dan 3 orang guru penasihat kokurikulum sekolah.

Kesemua item menunjukkan nilai korelasi *item-total* yang tinggi. Nilai *Cronbach Alpha* bagi sikap, pengetahuan dan kemahiran adalah 0.957, 0.930 dan 0.946 sementara nilai *Cronbach Alpha* untuk keseluruhan item kajian ialah 0.977 .

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Pengkaji telah memohon kelulusan bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak. Senarai nama sekolah serta bilangan pengetua dan guru akan diperolehi daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

Surat-surat kebenaran telah dikemukakan kepada responden sebagai bukti kajian ini telah mengikut prosedur yang seharusnya. Surat iringan kepada responden akan disediakan sebagai makluman untuk meyakinkan mereka bahawa segala maklumat yang diberikan adalah rahsia dan penggunaannya hanya semata-mata untuk keperluan kajian ini sahaja.

Setelah mendapat surat-surat kelulusan menjalankan kajian, pengkaji telah menyediakan set soal selidik untuk diedarkan kepada responden. Set soal selidik dihantar sendiri oleh pengkaji kepada sekolah-sekolah di daerah Saratok melalui pengetua. Sesi taklimat ringkas tentang responden akan diberikan kepada pengetua dan pemilihan responden dilakukan oleh pengetua dengan bantuan guru penolong kanan HEM. Pihak sekolah diberi masa selama dua minggu untuk mengembalikan semua set soal selidik yang berkenaan kepada pengkaji.

Responden perlu memberi jawapan dalam bentuk Skala Likert 5 mata. Skala Likert yang digunakan memberi gambaran tahap persetujuan mereka terhadap setiap item yang ditanya seperti skala berikut:

1 = Amat Rendah

2 = Rendah

3 = Sederhana

4 = Tinggi

5 = Amat tinggi

### **Analisis Data**

Data-data yang diperolehi dari set soal selidik ini dikaji dan dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Edisi 17.0. Analisis statistik deskriptif digunakan pada Bahagian A untuk mendapatkan kekerapan, min dan sisihan piawai ke atas item latar belakang responden.

Analisis deskriptif pula digunakan untuk menjawab soalan kajian 1, 2, 3, 4 dan 5 manakala untuk tujuan penganalisan data deskriptif, pengkaji telah menggunakan nilai mata skala Likert lima. Analisis data deskriptif untuk bahagian B, C dan D adalah berpandukan kepada min item keseluruhan. Analisis Ujian-t pula digunakan untuk menjawab persoalan kajian 6, 7 dan 8 di mana ujian ini melihat perbezaan antara sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran seorang guru disiplin berdasarkan kepada jantina.

Analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menjawab persoalan kajian 9 dan 10 iaitu untuk melihat hubungan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran

berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin. Analisis ini merupakan teknik statistik yang digunakan untuk mengetahui bagaimana sesuatu angkubah itu berhubung antara satu sama lain (Sekaran, 1992).

Menurut Jackson (2003), besar atau kuatnya sesuatu hubungan pemboleh ubah ditentukan oleh pekali korelasi. Kekuatan hubungan berkenaan dapat ditentukan berdasarkan hubungan yang lemah, hubungan yang kuat atau tiada hubungan. Penganalisan data untuk hubungan antara dua pemboleh ubah dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis korelasi. Alias (1999) pula menyatakan pekali korelasi adalah sesuai digunakan bagi data berbentuk sela atau nisbah dan kaitan antara pemboleh ubah adalah linear.

Bagi kajian ini, ujian pekali Pearson dijalankan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Jadual 3.1 menunjukkan tentang pekali korelasi.

Jadual 3.1  
*Angaran Kekuatan Hubungan Pekali Korelasi*

<b>Pekali Korelasi</b>	<b>Kekuatan Hubungan</b>
0.00 – 0.20	Boleh diabaikan
0.20 – 0.40	Rendah
0.40 – 0.60	Sederhana
0.60 – 0.80	Tinggi
0.80 – 0.100	Sangat tinggi

(Sumber: Jackson, 2003)

Nilai pekali korelasi  $r = < 1$  menunjukkan hubungan antara dua pembolehubah adalah positif. Nilai pekali korelasi  $r = -1$  menunjukkan bahawa perhubungan antara pembolehubah adalah negatif. Nilai pekali korelasi  $r = 0$  menunjukkan tiada hubungan antara dua pembolehubah. Nilai signifikan ditetapkan pada aras  $r = 0.1$

### **Kesimpulan**

Bab ini membincangkan reka bentuk kajian, populasi kajian, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisan data. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Kaedah tinjauan dijalankan untuk mendapat persepsi guru disiplin tentang sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran mereka berdasarkan jantina dan pengalaman sebagai guru disiplin. Maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, ujian-t dan korelasi Pearson.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Pendahuluan**

Bahagian ini akan mengemukakan hasil analisis data kajian dan deskripsinya daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang membincangkan tentang latar belakang guru disiplin dan bahagian B pula membincangkan tentang sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin. Statistik deskriptif (frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai) akan menjelaskan tentang latar belakang responden yang meliputi aspek umur, jantina, pengalaman mengajar, pengalaman sebagai guru disiplin dan kursus yang pernah dihadiri. Statistik inferens pula digunakan untuk perbincangan persoalan kajian dari  $H_{01}$  hingga  $H_{05}$ . Analisis Ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran seseorang guru disiplin berdasarkan jantina mereka. Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

#### **Analisis Latar Belakang Responden**

Borang soal selidik yang diedarkan melalui pentadbir sekolah kepada guru-guru disiplin telah dikumpulkan semula dalam tempoh satu minggu. Seramai 55 orang guru disiplin yang menganggotai Jawatankuasa Lembaga Disiplin Sekolah telah terlibat dalam kajian ini.

Analisis deskriptif mengenai maklumat responden dalam bahagian satu merujuk kepada latar belakang guru disiplin yang meliputi jantina, umur, pengalaman mengajar, pengalaman sebagai guru disiplin, saiz sekolah (bergantung kepada jumlah pelajar), jawatan lain yang disandang dan kursus yang pernah dihadiri.

Jadual 4.1

*Jantina Guru Disiplin*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
1	Jantina		
	Lelaki	38	69.1
	Perempuan	17	30.9
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan kategori jantina para responden. Kajian ini melibatkan 38 orang guru lelaki (69.1%) sementara bilangan guru perempuan pula ialah 17 orang (30.9%). Keputusan ini menunjukkan bilangan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada kalangan guru lelaki.

Jadual 4.2

*Umur Guru Disiplin*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
2	Umur		
	20 tahun hingga 29 tahun	13	23.6
	30 tahun hingga 39 tahun	23	41.8
	40 tahun hingga 49 tahun	19	34.5
	50 tahun hingga 59 tahun	0	0
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan kategori umur responden yang terlibat. Responden yang berumur antara 20–29 tahun adalah 13 orang (23.6%), 23 orang responden (41.8%) berumur antara 30–39 tahun, 19 orang (34.5%) berumur 40–49 tahun dan tiada responden yang berumur 50–59 tahun. Ini menunjukkan lebih banyak responden yang terdiri daripada mereka yang berumur antara 30–39 tahun.

Jadual 4.3

*Pengalaman Mengajar*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
3	Pengalaman mengajar		
	Kurang daripada 5 tahun	15	27.3
	Antara 5-9 tahun	10	18.2
	Antara 10-14 tahun	11	20.0
	Melebihi 15 tahun	19	34.5
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan pengalaman mengajar responden. Kajian ini melibatkan 15 orang (27.3%) responden yang berpengalaman kurang dari 5 tahun, mereka yang mempunyai pengalaman mengajar 5–9 tahun adalah 10 orang (18.2%), mereka yang mempunyai pengalaman mengajar 10–14 tahun adalah 11 orang (20.0%) dan mereka yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 15 tahun adalah 19 orang (34.5%). Ini memberi gambaran bahawa kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman mengajar yang melebihi 15 tahun.

Jadual 4.4

*Pengalaman Sebagai Guru Disiplin*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
3	Pengalaman sebagai guru disiplin		
	Kurang daripada 3 tahun	23	41.8
	Antara 3-6 tahun	13	23.6
	Antara 7-10 tahun	8	14.5
	Melebihi 10 tahun	11	20.0
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan kategori responden dari segi pengalaman sebagai guru disiplin. Didapati responden yang mempunyai pengalaman sebagai guru disiplin kurang daripada 3 tahun adalah 23 orang (41.8 %), mereka yang mempunyai pengalaman sebagai guru disiplin antara 3–6 tahun adalah 13 orang (23.6%), mereka yang mempunyai pengalaman sebagai guru disiplin antara 7–10 tahun adalah 8 orang (14.5%) dan mereka yang mempunyai pengalaman sebagai guru disiplin melebihi 10 tahun adalah 11 orang (20.0%). Keputusan ini menunjukkan responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 3 tahun sebagai guru disiplin paling ramai terlibat dalam kajian ini.

Jadual 4.5

*Jumlah Pelajar di Sekolah*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
5	Jumlah pelajar di sekolah		
	Kurang daripada 1000 orang	6	10.9
	1000 orang-5000 orang	23	41.8
	1501 orang-2000 orang	26	47.3
	2501 orang-3500 orang	0	0
	Melebihi 3500 orang	0	0
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan jumlah pelajar di sekolah responden di mana 6 orang responden (10.9%) dari sekolah yang mempunyai jumlah pelajar kurang 1000 orang, responden dari sekolah yang jumlah pelajarnya antara 1000-1500 orang adalah 23 orang (41.8%), responden dari sekolah yang jumlah pelajarnya antara 1501-2000 orang adalah seramai 26 orang (47.3%) dan tiada responden dari sekolah yang jumlah pelajarnya antara 2501-3500 orang atau jumlah pelajarnya melebihi 3501 orang. Ini menunjukkan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini terdiri daripada responden dari sekolah yang jumlah pelajarnya di antara 1501-2000 orang.

Jadual 4.6

*Jawatan Yang Disandang Selain Guru Disiplin*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
6	Jawatan yang disandang sekarang (selain dari guru disiplin)		
	Pentadbir	5	9.1
	Ketua Bidang	2	3.6
	Guru Tingkatan	9	16.4
	Guru Disiplin	24	43.6
	Guru Penasihat Rumah Sukan, Badan Beruniform, Persatuan dan Permainan	6	10.9
	Jumlah	55	100.0

Jadual 4.6 pula menunjukkan analisis berdasarkan jawatan yang dipegang oleh responden selain daripada menjadi guru disiplin pula mendapati kajian ini melibatkan responden yang menjawat jawatan pentadbir seramai 5 orang (9.1%), ketua bidang seramai 2 orang (3.6%), guru tingkatan seramai 9 orang (16.4%), guru disiplin seramai 24 orang (43.6%) dan guru penasihat rumah sukan, badan beruniform serta persatuan dan

permainan adalah seramai 6 orang (0.9%). Ini bererti mereka yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada kalangan guru disiplin.

Jadual 4.7

*Peluang Mengikuti Kursus Pengurusan Disiplin*

Bil	Perkara	Bilangan	Peratus
7	Mengikuti kursus pengurusan disiplin		
	Pernah	15	27.3
	Tidak pernah	40	72.7
	Jumlah	55	100.0

Dari segi peluang mengikuti kursus pengurusan disiplin, didapati seramai 15 orang (27.3%) responden pernah mengikuti kursus berkaitan pengurusan disiplin dan seramai 40 orang (72.7%) responden lagi tidak pernah menghadiri sebarang kursus pengurusan disiplin. Ini menunjukkan kebanyakan responden kajian tidak pernah mengikuti kursus pengurusan disiplin.

**Dapatan Kajian**

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan dan hipotesis-hipotesis yang dibina di awal kajian. Analisis data pada bahagian ini dilakukan dengan menggunakan statistik frekuensi, min dan sisihan piawai. Merujuk kepada Ishak (2004), skor min adalah berdasarkan nilai yang ditetapkan seperti di bawah;

1. Skor min 1.00 hingga 2.34 pada tahap rendah.
2. Skor min 2.35 hingga 3.67 pada tahap sederhana.
3. Skor min 3.68 hingga 5.00 pada tahap tinggi.

**Sikap guru disiplin terhadap peningkatan pengetahuan asas disiplin**

Jadual 4.8

*Sikap Guru Disiplin Terhadap Meningkatkan Pengetahuan Asas Disiplin*

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus					Min	SP
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
S1	Keinginan untuk mengetahui konsep penting dalam disiplin	- (-)	1 (1.8)	9 (16.4)	20 (36.4)	25 (45.5)	4.25	.799
S2	Keinginan untuk mengetahui falsafah disiplin dengan mendalam	- (-)	2 (3.6)	- (-)	25 (45.5)	20 (36.4)	4.15	.803
S3	Keinginan untuk mengetahui tatacara prosedur disiplin yang tepat dan betul	- (-)	2 (3.6)	2 (3.6)	19 (34.5)	32 (58.2)	4.47	.742
S4	Keinginan untuk menggunakan pendekatan tingkah laku secara berkesan	- (-)	1 (1.8)	9 (16.4)	16 (29.1)	29 (52.7)	4.33	.818
S5	Keinginan untuk mengetahui dan mengenali pelajar yang bermasalah disiplin	- (-)	- (-)	4 (7.3)	27 (49.1)	24 (43.6)	4.36	.620
S6	Keinginan untuk merekod sebarang salah laku pelajar dengan betul dan tepat terlebih dahulu ke dalam Rekod Penalti	1 (1.8)	1 (1.8)	16 (29.1)	21 (38.2)	16 (29.1)	3.91	.908
S7	Keinginan memperbaharui dan meningkatkan segala kemahiran sedia ada berkaitan pengurusan disiplin.	- (-)	- (-)	6 (10.9)	26 (47.3)	23 (41.8)	4.31	.663
S8	Keinginan untuk berinteraksi lebih cekap dan lebih cekap dan berkesan dengan ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah disiplin pada bila-bila masa.	- (-)	- (-)	6 (10.9)	24 (43.6)	25 (45.5)	4.35	.673

Jadual 4.8 menunjukkan skor min tahap sikap guru disiplin terhadap peningkatan pengetahuan asas disiplin.

Apakah tahap sikap guru disiplin terhadap peningkatan pengetahuan asas disiplin?

Jadual 4.8 menunjukkan skor min item keseluruhan sikap guru disiplin berada pada paras min=4.27. Ini menunjukkan sikap guru disiplin terhadap keinginan meningkatkan pengetahuan prinsip asas disiplin berada pada tahap yang tinggi.

Dari segi susunan item berdasarkan min yang paling tinggi, keinginan untuk mengetahui tatacara/prosedur disiplin yang tepat dan betul menunjukkan skor min item paling tinggi ( $m=4.47$ ,  $SP=.742$ ), diikuti oleh keinginan untuk mengetahui pelajar bermasalah disiplin dari segi profil pelajar seperti nama, tempat tinggal dan latar belakang keluarga pelajar ( $m=4.36$ ,  $SP=.620$ ), keinginan untuk berinteraksi dengan lebih cekap dan berkesan dengan ibu bapa pelajar yang mempunyai anak bermasalah disiplin pada bila-bila masa ( $m=4.35$ ,  $SP=.673$ ), keinginan untuk menggunakan pendekatan tingkah laku secara berkesan dalam menangani permasalahan disiplin pelajar ( $m=4.33$ ,  $SP=.818$ ), keinginan memperbaharui dan meningkatkan kemahiran sedia ada tentang pengurusan disiplin pelajar ( $m=4.31$ ,  $SP=.663$ ), keinginan untuk mengetahui konsep-konsep penting disiplin seperti keadilan, ganjaran, hukuman dan hak pelajar ( $m=4.25$ ,  $SP=.799$ ), keinginan untuk mengetahui falsafah disiplin dengan lebih mendalam ( $m=4.15$ ,  $SP=.803$ ) dan keinginan guru disiplin untuk merekodkan sebarang salah laku pelajar dengan betul dan tepat terlebih dahulu ke dalam rekod penalti ( $m=3.91$ ,  $SP=.908$ ).

## Tahap sikap guru disiplin terhadap peranan moral

Jadual 4.9

### *Sikap Guru Disiplin Terhadap Peranan Moral*

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus					Min	SP
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
SM9	Kesanggupan melakukan tugas tanpa had masa dan lokasi	- (-)	3 (5.5)	23 (41.8)	18 (32.7)	11 (20.0)	3.67	.862
SM10	Keinginan untuk mengetahui setiap aktiviti pelajar	- (-)	1 (1.8)	17 (30.9)	30 (67.3)	7 (12.7)	3.78	.686
SM11	Keinginan untuk memberi perhatian terhadap perkembangan diri pelajar	- (-)	1 (1.8)	8 (14.5)	28 (50.9)	18 (32.7)	4.15	.731
SM12	Menunjukkan inovasi dan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti-aktiviti badan disiplin	- (-)	- (-)	8 (14.5)	34 (61.8)	13 (23.6)	4.09	.617
SM13	Sangat proaktif merancang program pembinaan sahsiah dan akhlak pelajar	- (-)	- (-)	18 (32.7)	25 (45.5)	12 (21.8)	3.89	.737
SM14	Kemahuan berdikari dalam melakukan tugas disiplin	1 (1.8)	- (-)	16 (29.1)	22 (40.0)	16 (29.1)	3.95	.870
SM15	Kerap mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan guru lain tentang hal-hal disiplin pelajar.	- (-)	1 (1.8)	11 (20.0)	27 (49.1)	16 (29.1)	4.05	.756
SM16	Keinginan menghadiri kursus berkaitan disiplin.	- (-)	1 (1.8)	13 (23.6)	23 (41.8)	18 (32.7)	4.05	.803
SM17	Kesanggupan berkerjasama secara berpasukan.	- (-)	- (-)	5 (9.1)	24 (43.6)	26 (47.3)	4.38	.652
SM18	Sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak luar.	- (-)	- (-)	14 (25.5)	26 (47.3)	15 (27.3)	4.02	.733
SM19	Kesanggupan mendahulukan kepentingan pelajar.	- (-)	1 (1.8)	8 (14.5)	31 (56.4)	15 (27.3)	4.09	.701
SM20	Kesanggupan yang berterusan Untuk memegang jawatan sebagai guru disiplin.	4 (7.3)	6 (10.9)	27 (49.1)	8 (14.5)	10 (18.2)	3.25	1.109

Jadual 4.9 menunjukkan skor min sikap guru disiplin terhadap peranan moral bagi menjawab soalan berikut:

Apakah tahap sikap guru disiplin mengenai peranan moral?

Jadual 4.9 menunjukkan skor min item keseluruhan sikap guru disiplin berada pada paras min=3.95. Ini menunjukkan sikap guru disiplin terhadap peranan moral berada pada tahap yang tinggi. Skor min item berdasarkan min yang paling tinggi ialah kesanggupan untuk bekerjasama secara berpasukan ( $m=4.38$ ,  $SP=.652$ ), keinginan untuk memberi perhatian terhadap perkembangan diri pelajar setelah selesai menerima hukuman ( $m=4.15$ ,  $SP=.731$ ), kesanggupan untuk mendahulukan kepentingan pelajar ( $m=4.09$ ,  $SP=.701$ ), menunjukkan inovasi dan komitmen yang tinggi ( $m=4.09$ ,  $SP=.617$ ), keinginan untuk menghadiri kursus berkaitan disiplin pelajar ( $m=4.05$ ,  $SP=.803$ ), kerap mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan guru lain tentang hal-hal disiplin pelajar ( $m=4.05$ ,  $SP=.756$ ), sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai pihak luar bagi menangani masalah disiplin pelajar ( $m=4.02$ ,  $SP=.733$ ), kemahuan berdikari, tidak perlu diselia dan diarah melakukan sesuatu tugas disiplin ( $m=3.95$ ,  $SP=.870$ ), sangat proaktif merancang program sahsiah dan akhlak pelajar ( $m=3.89$ ,  $SP=.737$ ), keinginan untuk mengetahui setiap aktiviti pelajar di dalam dan di luar sekolah ( $m=3.78$ ,  $SP=.686$ ), kesanggupan melakukan tugas berkaitan disiplin pelajar tanpa had masa dan lokasi ( $m=3.67$ ,  $SP=.862$ ) dan kesanggupan yang berterusan untuk memegang jawatan sebagai guru disiplin ( $m=3.25$ ,  $SP=1.109$ ).

## Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip-prinsip asas disiplin

Jadual 4.10

### Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Terhadap Prinsip-Prinsip Disiplin

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus					Min	SP
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
PA1	Falsafah dan matlamat disiplin.	- (-)	3 (5.5)	2 (43.6)	21 (38.2)	7 (12.7)	3.58	.786
PA2	Jenis-jenis hukuman yang sesuai.	- (-)	4 (7.3)	21 (38.2)	23 (41.8)	7 (12.7)	3.60	.807
PA3	Jenis-jenis salah laku.	- (-)	2 (3.6)	14 (25.5)	32 (58.2)	7 (12.7)	3.80	.704
PA4	Prosedur disiplin yang betul.	1 (1.8)	1 (1.8)	18 (32.7)	28 (50.9)	7 (12.7)	3.71	.786
PA5	Ciri-ciri pelajar bermasalah.	- (-)	1 (1.8)	19 (34.6)	27 (49.1)	8 (14.5)	3.76	.719
PA6	Had batasan bidang kuasa guru disiplin.	- (-)	3 (5.4)	22 (40.0)	21 (38.2)	9 (16.4)	3.65	.821
PA7	Perkembangan disiplin pelajar semasa di dalam dan di luar sekolah.	1 (1.8)	3 (5.5)	23 (41.8)	22 (40.0)	6 (10.9)	3.53	.836
PA8	Pengetahuan tentang maklumat surat pekeliling hal-hal disiplin.	2 (3.6)	3 (5.5)	25 (45.5)	18 (32.7)	7 (12.7)	3.45	.919

Jadual 4.10 menunjukkan skor min item bagi menjawab persoalan kajian berikut:

Apakah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip-prinsip asas disiplin?

Jadual 4.10 menunjukkan skor min item keseluruhan tahap pengetahuan guru disiplin mengenai prinsip-prinsip asas disiplin berada pada paras  $\text{min}=3.64$ . Ini menunjukkan tahap pengetahuan guru disiplin berada pada tahap sederhana. Skor min item berdasarkan susunan yang paling tinggi adalah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap jenis-jenis salah laku ( $m=3.80$ ,  $SP=.704$ ), ciri-ciri pelajar-pelajar bermasalah

( $m=3.76$ ,  $SP= .719$ ), prosedur disiplin yang betul ( $m=3.71$ ,  $SP= .786$  ), had batasan bidang kuasa guru disiplin ( $m=3.65$ ,  $SP= .821$ ), jenis-jenis hukuman yang sesuai ( $m=3.60$ ,  $SP= .807$ ), falsafah dan matlamat disiplin ( $m=3.58$ ,  $SP= .786$ ), perkembangan disiplin pelajar semasa di dalam dan di luar sekolah ( $m=3.53$ ,  $SP= .836$ ) dan yang terakhir ialah tentang pengetahuan dan maklumat surat pekeliling hal-hal disiplin ( $m=3.45$ ,  $SP= .919$ ).

### Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pementapan disiplin

Jadual 4.11

#### *Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Terhadap Program Pementapan Disiplin*

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus					Min	SP
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
PB9	Merancang aktiviti pembangunan moral dan sahsiah pelajar	- (-)	2 (3.6)	23 (41.8)	24 (43.6)	6 (10.9)	3.62	.733
PB10	Merancang kaedah pemantauan disiplin pelajar dengan berkesan.	- (-)	4 (7.3)	21 (38.1)	23 (41.8)	7 (12.7)	3.60	.807
PB11	Pengetahuan tentang model-model tingkah laku pelajar dalam menangani disiplin pelajar	- (-)	8 (14.5)	24 (43.6)	17 (30.9)	6 (10.9)	3.38	.871
PB12	Mengendalikan kursus-kursus pengawas.	1 (1.8)	8 (14.5)	16 (29.1)	22 (40.0)	8 (14.5)	3.51	.979
PB13	Mengendalikan program pencegahan dan pemulihan.	- (-)	6 (10.9)	23 (41.8)	21 (38.2)	5 (9.1)	3.45	.812
PB14	Memberi dorongan dan galakan kepada pelajar bermasalah disiplin.	- (-)	2 (3.6)	16 (29.1)	24 (43.6)	13 (23.6)	3.87	.818
PB15	Pengetahuan memberi motivasi yang berkesan.	- (-)	1 (1.8)	18 (32.7)	29 (52.7)	7 (12.7)	3.76	.693
PB16	Merangka/membina peraturan sekolah yang berkesan.	- (-)	5 (9.1)	19 (34.5)	22 (40.0)	9 (16.4)	3.64	.868

Jadual 4.11 menunjukkan skor min item tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin bagi menjawab persoalan kajian berikut :

Apakah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin?

Jadual 4.11 menunjukkan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin. Berdasarkan jadual, skor min item keseluruhan ialah  $\text{min}=3.60$ . Ini menunjukkan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin berada pada tahap sederhana.

Susunan skor min item berdasarkan min yang paling tinggi ialah memberi dorongan dan galakan kepada pelajar bermasalah disiplin ( $m=3.87$ ,  $SP= .818$ ), pengetahuan memberi motivasi yang berkesan ( $m=3.76$ ,  $SP= .693$ ), merangka/membina peraturan sekolah yang berkesan ( $m=3.64$ ,  $SP= .868$ ), merancang aktiviti pembangunan moral dan sahsiah pelajar ( $m=3.62$ ,  $SP= .733$ ), merancang kaedah pemantauan disiplin pelajar dengan berkesan ( $m=3.60$ ,  $SP= .807$ ), mengendalikan kursus pengawas ( $m=3.51$ ,  $SP= .979$ ), mengendalikan program pencegahan dan pemulihan ( $m=3.45$ ,  $SP= .812$ ) dan pengetahuan tentang model-model tingkah laku pelajar dalam menangani disiplin pelajar ( $m=3.38$ ,  $SP= .871$ ).

**Tahap kemahiran guru disiplin terhadap strategi pengurusan disiplin**

JADUAL 4.12

*Tahap Kemahiran Guru Disiplin Terhadap Strategi Pengurusan Disiplin*

Kod	Item	Frekuensi dan Peratus					Min	SP
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)		
K1	Kemahiran menyelesaikan masalah dengan segera dan berkesan	- (-)	2 (3.6)	22 (40.0)	26 (47.3)	5 (9.1)	3.62	.707
K2	Kemahiran melakukan komunikasi berkesan	- (-)	1 (1.8)	17 (30.9)	30 (54.5)	7 (12.7)	3.78	.686
K3	Kemahiran mempengaruhi orang lain	- (-)	3 (5.5)	26 (47.3)	20 (36.4)	6 (10.9)	3.53	.766
K4	Kemahiran merekod secara tersusun dan sistematik	- (-)	2 (3.6)	28 (50.9)	17 (30.9)	8 (14.5)	3.56	.788
K5	Kemahiran mengenali ciri-ciri pelajar bermasalah	- (-)	- (-)	17 (30.9)	29 (52.7)	9 (16.4)	3.85	.678
K6	Kemahiran membuat keputusan dengan betul dan tepat	- (-)	- (-)	27 (49.1)	22 (40.0)	6 (10.9)	3.62	.680
K7	Kemahiran menggunakan budi bicara dengan betul	- (-)	- (-)	16 (29.1)	27 (49.1)	12 (21.8)	3.93	.716
K8	Kemahiran menerapkan nilai-nilai agama dan moral	- (-)	1 (1.8)	13 (23.6)	28 (50.9)	13 (23.6)	3.96	.744
K9	Kemahiran membina hubungan positif dengan pihak luar (polis/ibu bapa)	- (-)	2 (3.6)	18 (32.7)	24 (43.6)	11 (20.0)	3.80	.803
K10	Kemahiran pemantauan yang berkesan	- (-)	1 (1.8)	25 (45.5)	21 (38.2)	8 (14.5)	3.65	.751

Jadual 4.12 menunjukkan skor min tahap kemahiran guru disiplin bagi menjawab persoalan kajian berikut :

Apakah tahap kemahiran guru disiplin terhadap strategi pengurusan disiplin?

Jadual 4.12 menunjukkan tahap kemahiran guru disiplin terhadap strategi pengurusan disiplin di sekolah. Skor keseluruhan min item tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin ialah min=3.73.

Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pemantapan disiplin berada pada tahap yang tinggi. Analisis dapatan skor min item mengikut susunan min yang tertinggi ialah kemahiran menerapkan nilai-nilai agama dan moral ( $m=3.96$ ,  $SP= .744$ ), kemahiran menggunakan budi bicara dengan betul dan berkesan ( $m=3.93$ ,  $SP= .716$ ), kemahiran mengenali ciri-ciri pelajar bermasalah ( $m=3.85$ ,  $SP= .678$ ), kemahiran membina hubungan positif dengan pihak luar seperti pihak polis/ibu bapa ( $m=3.80$ ,  $SP= .803$ ), kemahiran melakukan komunikasi berkesan ( $m=3.78$ ,  $SP= .686$ ), kemahiran melaksanakan pemantauan yang berkesan ( $m=3.65$ ,  $SP= .751$ ), kemahiran menyelesaikan masalah dengan segera dan berkesan ( $m=3.62$ ,  $SP= .707$ ), kemahiran membuat keputusan dengan betul dan tepat ( $m=3.62$ ,  $SP= .680$ ), kemahiran merekod secara tersusun dan sistematik ( $m=3.56$ ,  $SP= .788$ ) dan min item yang paling rendah ialah item kemahiran mempengaruhi orang lain ( $m=3.53$ ,  $SP= .766$ ).

### **Analisis Hipotesis Kajian**

Statistik inferens digunakan bagi menguji setiap hipotesis nol yang dibina berdasarkan kepada persoalan kajian.

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin?

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

Jadual 4.13

*Hasil Ujian-t Perbandingan Sikap Guru Disiplin Lelaki Dengan Guru Disiplin Perempuan Terhadap Pengurusan Disiplin*

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai-t	Sig. (2-tailed)
Lelaki	38	4.13	.542	53	1.162	.250
Perempuan	17	3.95	.475			

Signifikan pada  $< 0.05$

Jadual 4.13 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin. Keputusan kajian ini gagal menolak  $H_{01}$ . Nilai min sikap guru disiplin lelaki ( $m=4.13$ ) adalah lebih besar berbanding min sikap guru disiplin perempuan ( $m=3.95$ ). Perbezaan min di antara guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan ialah 0.18. Dapatan ujian-t menunjukkan ia adalah tidak signifikan secara statistik di mana nilai  $t(53)=1.16$  dan nilai ini juga tidak signifikan pada aras keyakinan 0.05 iaitu  $p = .25$  ( $p > .05$ ).

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin?

$H_{02}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

Jadual 4.14

*Hasil Ujian-t Perbandingan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Lelaki Dengan Guru Disiplin Perempuan Terhadap Pengurusan Disiplin*

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai-t	Sig. (2-tailed)
Lelaki	38	3.66	.621	53	.785	.436
Perempuan	17	3.52	.623			

Signifikan pada  $< 0.05$

Jadual 4.14 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin. Keputusan kajian ini gagal menolak  $H_{02}$ . Nilai min pengetahuan guru disiplin lelaki ( $m=3.66$ ) adalah lebih besar berbanding min pengetahuan guru disiplin perempuan ( $m=3.52$ ). Perbezaan min di antara guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan ialah 0.14. Dapatan ujian-t menunjukkan ia adalah tidak signifikan secara statistik di mana nilai  $t(53)=0.785$  dan nilai ini juga didapati tidak signifikan pada aras keyakinan 0.05 iaitu  $p = .436$  ( $p > .05$ ).

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin?

$H_{03}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

Jadual 4.15

*Hasil Ujian-t Perbandingan Tahap Kemahiran Guru Disiplin Lelaki Dengan Guru Disiplin Perempuan Terhadap Pengurusan Disiplin*

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai-t	Sig. (2-tailed)
Lelaki	38	3.81	.621	53	1.536	.130
Perempuan	17	3.55	.450			

Signifikan pada  $< 0.05$

Jadual 4.15 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin. Keputusan kajian ini gagal menolak  $H_{03}$ . Nilai min kemahiran guru disiplin lelaki ( $m=3.81$ ) adalah lebih besar berbanding min kemahiran guru disiplin perempuan ( $m=3.55$ ). Perbezaan min di antara guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan ialah 0.26. Dapatan ujian-t menunjukkan ia adalah tidak signifikan secara statistik di mana nilai  $t(53)=1.536$  dan nilai ini juga adalah tidak signifikan pada aras keyakinan 0.05 iaitu  $p = .130$  ( $p > .05$ ).

Hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin

$H_{04}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Jadual 4.16

*Korelasi Antara Sikap Dengan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Berdasarkan Pengalaman Sebagai Guru Disiplin Terhadap Pengurusan Disiplin (N=55)*

Pembolehubah	Tahap pengetahuan	
	r	p
Sikap	.463**	.000

\*\* Pekali korelasi signifikan pada  $p < 0.01$

Jadual 4.16 menunjukkan nilai pekali kolerasi Pearson yang diperolehi antara sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin ialah  $r = 0.463^{**}$ . Nilai  $p = .000$  dan ia lebih kecil dari aras signifikan 0.01. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana. Oleh itu, hipotesis ( $H_{04}$ ) didapati tidak benar dan ditolak. Ini bermakna sikap guru disiplin mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin

$H_{o5}$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Jadual 4.17

*Korelasi Antara Sikap Dengan Tahap Kemahiran Guru Disiplin Berdasarkan Pengalaman Sebagai Guru Disiplin Terhadap Pengurusan Disiplin (N=55)*

Pembolehubah	Tahap kemahiran	
	r	p
Sikap	.577**	.000

\*\* Pekali kolerasi signifikan pada  $p < 0.01$

Jadual 4.17 menunjukkan nilai pekali kolerasi Pearson yang diperolehi antara sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran terhadap pengurusan disiplin ialah  $r = .577^{**}$  dan nilai  $p = .000$ . Nilai  $p$  ini lebih kecil dari aras signifikan 0.01. Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana. Oleh itu, hipotesis ( $H_{o5}$ ) didapati tidak benar dan ditolak. Ini bermakna sikap guru disiplin mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

## Rumusan Pengujian Hipotesis

Jadual 4.18

*Rumusan Pengujian Hipotesis*

Hipotesis	Huraian Hipotesis	Keputusan
H <sub>01</sub>	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru disiplin lelaki dengan sikap guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.	DITERIMA
H <sub>02</sub>	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan tahap pengetahuan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.	DITERIMA
H <sub>03</sub>	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan tahap kemahiran guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.	DITERIMA
H <sub>04</sub>	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin.	DITOLAK
H <sub>05</sub>	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin.	DITOLAK

## **Kesimpulan**

Bahagian ini membincangkan rumusan terhadap hasil kajian yang telah dijalankan berdasarkan persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan dari segi sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin sama ada guru disiplin lelaki atau guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

Keputusan untuk ujian min terhadap  $H_{01}$ ,  $H_{02}$  dan  $H_{03}$  diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran berdasarkan jantina sama ada guru lelaki ataupun guru perempuan. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina guru tidak mempengaruhi kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Dari segi hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran dan tahap pengetahuan, dapatan hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman terhadap pengurusan disiplin.

Ujian korelasi menunjukkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa sikap guru disiplin yang sederhana dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin yang berada pada tahap sederhana.

## BAB V

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### **Pendahuluan**

Bab ini mengandungi bahagian-bahagian yang terdiri daripada ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, kesimpulan, implikasi serta cadangan-cadangan berkaitan dengan kajian sebagai penambahbaikan untuk kajian oleh pengkaji akan datang dan kesimpulan. Bahagian perbincangan dapatan kajian akan membincangkan dapatan hasil kajian yang telah diperolehi berkaitan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin. Bahagian kesimpulan pula akan menghuraikan hasil kajian yang telah diperolehi dan membandingkan dapatan yang diperolehi dengan dapatan oleh penulis-penulis lain sebelum ini. Bahagian terakhir iaitu bahagian cadangan akan mengemukakan saranan dan cadangan yang boleh dipertimbangkan bersama oleh Pengetua, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan kepada penyelidik akan datang bagi meningkatkan kecekapan seseorang guru disiplin dalam menangani masalah pelajar sekolah menengah khususnya di daerah Saratok, Sarawak.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengenal pasti sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok terhadap pengurusan disiplin.

- ii. Melihat perbezaan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok terhadap pengurusan disiplin.
- iii. Melihat hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin di lima buah sekolah menengah di daerah Saratok berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

### **Ringkasan Kajian**

Kajian yang telah dijalankan di sekolah-sekolah menengah daerah Saratok ini melibatkan lima buah sekolah dan membabitkan 55 orang guru disiplin sebagai responden kajian. Maklumat soal selidik diperoleh daripada kalangan guru disiplin. Responden diminta menilai sendiri sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang mereka miliki seikhlas yang mungkin berdasarkan kepada soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Penilaian sendiri ini dibuat berdasarkan persepsi guru disiplin lelaki dan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin.

Setiap faktor dikaji dengan memberi perhatian terperinci terhadap pelbagai item yang berkaitan menggunakan satu set borang soal selidik. Bahagian satu (A) adalah soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden meliputi umur, jantina, pengalaman mengajar, pengalaman sebagai guru disiplin, jumlah pelajar di sekolah, jawatan yang disandang di sekolah dan kursus yang pernah dihadiri. Bahagian dua terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian B, C dan D.

Soalan soal selidik meliputi maklumat seperti berikut:

Bahagian B : Sikap guru disiplin yang terdiri daripada dua bahagian iaitu;

- i. Sikap untuk meningkatkan pengetahuan asas disiplin (8 item).
- ii. Sikap terhadap peranan moral guru disiplin (12 item).

Bahagian C : Tahap pengetahuan guru disiplin yang terdiri daripada dua bahagian iaitu;

- i. Pengetahuan terhadap prinsip disiplin (8 item).
- ii. Pengetahuan terhadap program pemantapan disiplin (8 item).

Bahagian D : Tahap kemahiran guru disiplin. (10 item).

Analisis data dilakukan dengan menggunakan pakej perisian SPSS Edisi 17.0 yang melibatkan statistik deskriptif (frekuensi, peratus, min, sisihan piawai) dan statistik inferens menggunakan ujian-t dan korelasi Pearson.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

#### **Sikap guru disiplin terhadap pengurusan disiplin**

Analisis kajian terhadap sikap guru disiplin dijalankan ke atas dua aspek sikap iaitu sikap guru disiplin dalam aspek meningkatkan pengetahuan asas disiplin dan sikap guru disiplin terhadap peranan moral. Min item keseluruhan sikap guru disiplin dalam aspek meningkatkan pengetahuan asas disiplin dan sikap guru disiplin terhadap peranan moral berada pada tahap sederhana ( $M=4.08$ ). Menurut Ahmad Sukri (2002), terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi sikap individu terhadap sesuatu perkara. Kajian ini mendapati faktor pengalaman sebagai guru disiplin mempunyai hubungan terhadap sikap guru disiplin.

Dapatan analisis dari segi pengalaman mengajar menunjukkan majoriti guru yang terlibat mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun (72.7%). Analisis dari segi pengalaman sebagai guru disiplin pula menunjukkan majoriti daripada mereka adalah guru disiplin yang berkhidmat antara 3–6 tahun (65.4%). Merujuk kepada Model Perkembangan Guru oleh Dreyfus dan Dreyfus (1980), guru-guru yang baru memegang jawatan sebagai guru disiplin masih berada di peringkat permulaan (*novice*). Guru-guru ini menyatakan bahawa mereka merasa tertekan dengan masalah disiplin pelajar. Guru-guru novis mendapati bahawa sikap mereka sentiasa berubah dan ada masanya mereka menyesal terhadap tindak-tanduk yang telah mereka tunjukkan apabila mengendalikan kes disiplin (Hoy, 1968).

Oleh itu, guru disiplin wajar mempunyai personaliti dan sikap yang positif terhadap diri pelajarinya. Pendapat ini turut disokong oleh Rosnah (2003) dan Abdullah Sani (2006) yang menyatakan bahawa seorang guru yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik adalah guru-guru yang mempunyai sikap prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa pelajarinya.

Skor min item keseluruhan sikap meningkatkan pengetahuan asas disiplin ialah 4.27. Analisis daripada item status sikap guru disiplin untuk meningkatkan pengetahuan asas disiplin menunjukkan tiga item min paling tinggi iaitu keinginan untuk mengetahui tatacara/prosedur disiplin yang tepat dan betul menunjukkan skor min item paling tinggi ( $m=4.47$ ), diikuti oleh keinginan untuk mengetahui pelajar bermasalah disiplin dari segi profil pelajar seperti nama, tempat tinggal dan latar belakang keluarga pelajar ( $m=4.36$ ) dan keinginan berinteraksi dengan lebih cekap dan berkesan dengan ibu bapa pelajar yang mempunyai anak bermasalah disiplin pada bila-bila masa ( $m=4.35$ ).

Item min yang paling rendah pula ialah keinginan guru disiplin untuk merekodkan sebarang salah laku pelajar dengan betul dan tepat terlebih dahulu ke dalam rekod penalti ( $m=3.91$ ). Ini menunjukkan guru disiplin lebih bersikap profesional dari segi tindakan dan mampu untuk menghormati pelajar dan melayan mereka dengan adil agar masalah disiplin yang berlaku dapat diselesaikan dengan segera (Wasicsko & Ross, 1994). Dapatan ini seiring dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas bil. 8/2001 yang mengingatkan agar semua guru khususnya pihak pentadbir supaya memantapkan sistem pengurusan murid di sekolah dan memperkemaskan profil murid supaya profil yang mengandungi maklumat murid ini dapat digunakan oleh guru-guru dalam membuat pemantauan dan pemulihan khususnya kepada pelajar yang bermasalah disiplin.

Salah (2003) menyatakan bahawa penyediaan cadangan hukuman atau dendaan secara spesifik ke atas salah laku perlu diseragamkan di peringkat sekolah agar masalah disiplin dapat diatasi dengan berkesan dan dapat memberi perlindungan kepada mana-mana pegawai atau guru yang terlibat secara langsung dengan urusan disiplin sekolah. Kajian oleh Ghazali (1983) menyatakan antara faktor yang boleh mengurangkan masalah disiplin pelajar ialah adanya hubungan yang rapat antara pihak sekolah dengan ibu bapa. Dapatan ini turut disokong oleh Dzulkarnain (1992) yang mencadangkan agar kerjasama yang erat perlu diwujudkan antara guru, pengetua, ibu bapa dan masyarakat perlu ditingkatkan untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan disiplin pelajar.

Namun terdapat dalam peratusan yang kecil guru disiplin yang menyatakan mereka pernah diugut, diserang dan dirujuk kepada pihak polis kerana tindakan mereka ke atas pelajar (Abd. Halim, 1999). Setiap sekolah disarankan untuk mempunyai sistem

pengurusan disiplin yang berkesan meliputi rekod individu pelajar, rekod pelanggaran disiplin serta hukuman dan ganjaran.

Jadi, guru-guru disiplin juga haruslah bersikap berhati-hati dengan cara untuk merekod terlebih dahulu salah laku pelajar ke dalam Rekod Penalti. Rosnani (2002) turut bersetuju dengan pelaksanaan sistem merekod salah laku pelajar menerusi Program Sistem Penalti. Kajian mendapati Program Sistem Penalti lebih menumpukan kepada aktiviti guru merekod dan menentukan mata penalti terkumpul. Kesan pelaksanaan sistem ini dalam pengurusan disiplin telah berjaya meningkatkan sikap guru terhadap langkah awal merekod kesalahan pelajar dan sekaligus memberi kesan langsung terhadap disiplin pelajar.

Dapatan analisis sikap guru disiplin terhadap peranan moral adalah pada tahap sederhana ( $M=3.95$ ). Tiga skor min item yang paling tinggi ialah kesanggupan untuk bekerjasama secara berpasukan ( $m=4.38$ ), keinginan untuk memberi perhatian terhadap perkembangan diri pelajar setelah selesai menerima hukuman ( $m=4.15$ ) dan kesanggupan untuk mendahulukan kepentingan pelajar ( $m=4.09$ ) dan item min yang paling rendah pula ialah kesanggupan yang berterusan untuk memegang jawatan sebagai guru disiplin ( $m=3.25$ ). Ini menunjukkan kebanyakan responden tidak bersedia untuk dilantik secara berterusan sebagai guru disiplin.

Analisis dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden yang terlibat didapati mempunyai kurang pengalaman, kekurangan masa kerana mempunyai bebanan tugas yang lain dan mereka turut bimbang dengan tekanan-tekanan seperti menerima ugutan dan kenderaan dirosakkan akibat tindakan mereka dalam menyelesaikan masalah disiplin pelajar (Abd. Halim, 1999; Shahabuddin & Rohizani, 2002).

Rafidah (1993) dalam Mohd Tajudin (1995) mendapati bahawa faktor sekolah yang menyebabkan pelajar melakukan salah laku ialah sikap guru disiplin yang terlalu tegas, keterlaluan dalam tindakan ke atas pelajar tanpa melihat latar belakang keluarga dan sebab pelajar melakukan salah laku.

Pada masa yang sama sikap sebilangan guru lain yang kurang memberikan kerjasama dan lebih gemar menyerahkan masalah disiplin kepada guru-guru disiplin semata-mata. Kajian oleh Cheng (1989) dan Rosnani (2002) turut sependapat tentang sikap sebilangan guru yang tidak merasakan mereka bertanggungjawab terhadap disiplin pelajar.

Bagi mengatasi masalah ini, Short et al. (1994) mencadangkan agar usaha membaiki disiplin pelajar mestilah difokuskan kepada komitmen dan sokongan keseluruhan guru-guru dan kakitangan sekolah. Rakan sejawat juga memainkan peranan penting untuk membantu melicinkan pentadbiran disiplin pelajar sekolah.

Cadangan tersebut disokong oleh Stephens (1994) yang mencadangkan agar pengetua dan guru-guru lain untuk turut meluangkan masa di sekolah untuk mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah kerana perancangan untuk membentuk sebuah sekolah selamat memerlukan kerjasama dari banyak pihak dan mencadangkan agar satu pasukan yang diketuai oleh pengetua dengan ahli-ahlinya yang terdiri daripada guru-guru, ibu bapa, ketua polis, pemimpin masyarakat dan pegawai kebajikan perlu dibentuk.

### **Tahap pengetahuan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin**

Analisis tentang tahap pengetahuan guru disiplin dilakukan berdasarkan dua aspek iaitu tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip asas disiplin dan tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program pementapan disiplin. Min keseluruhan item yang meliputi kedua-dua aspek berada pada tahap sederhana ( $M=3.62$ ). Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana terhadap kedua-dua aspek pengetahuan.

Skor min item soal selidik tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip-prinsip disiplin ialah mengesan ciri-ciri pelajar bermasalah ( $m=3.64$ ). Daripada lapan item soal selidik tentang tahap pengetahuan guru disiplin terhadap prinsip asas disiplin didapati tiga item soal selidik yang paling tinggi ialah tahap pengetahuan guru disiplin terhadap jenis-jenis salah laku ( $m=3.80$ ), ciri-ciri pelajar-pelajar bermasalah ( $m=3.76$ ) dan prosedur/tatacara disiplin yang betul ( $m=3.71$ ). Ketiga-tiga aspek ini adalah asas utama dalam pelaksanaan disiplin dengan lebih berkesan.

Salah satu pengetahuan penting untuk mengesan ciri-ciri pelajar bermasalah ialah dengan memahami model-model pendekatan tingkah laku secara berkesan (Rohaty, 1999). Analisis dapatan kajian tentang tahap pengetahuan guru disiplin terhadap program menunjukkan skor min item menggunakan model-model tingkah laku bagi menangani disiplin pelajar berada pada tahap sederhana ( $M= 3.38$ )

### **Tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin**

Analisis tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin secara keseluruhan menunjukkan berada pada tahap tinggi ( $M=3.73$ ). Dapatan ini menjelaskan bahawa guru-

guru disiplin mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang pengurusan disiplin. Tiga skor min item yang paling tinggi tahap kemahiran seseorang guru disiplin ialah kemahiran menerapkan nilai-nilai agama dan moral (min=3.96), kemahiran menggunakan budi bicara dengan betul dan berkesan (min=3.93) dan kemahiran mengenali ciri-ciri pelajar bermasalah (min=3.85).

Dapatan yang menunjukkan responden mempunyai tahap kemahiran dalam mengesan pelajar-pelajar yang bermasalah dan mampu membantu pelajar tersebut dengan menggunakan nilai-nilai agama dan moral ini seiring dengan dapatan Ruslina (1998), Abdul Rahman dan Zakaria (1992), Loh (1995), Shanti (1998), Mukhtar (2002) dan Thock (2003) dalam kajian mereka terhadap keperluan kemahiran guru mendapati beban dan masalah berkaitan disiplin merupakan beban yang paling berat terpaksa dipikul. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengurus disiplin pelajar adalah antara keperluan yang perlu diutamakan di kalangan guru-guru disiplin. Skor min item tahap kemahiran yang paling rendah ialah kemahiran mempengaruhi orang lain (min=3.53).

#### **Perbezaan sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap pengurusan disiplin berdasarkan jantina.**

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin lelaki dan guru disiplin perempuan terhadap pengurusan disiplin. Guru disiplin lelaki dan guru disiplin perempuan menunjukkan sikap

yang tinggi dalam meningkatkan pengetahuan prinsip-prinsip asas disiplin dan peranan moral mereka terhadap pengurusan disiplin.

Dapatan kajian terhadap perbezaan tahap pengetahuan terhadap pengurusan disiplin berdasarkan jantina juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan. Guru disiplin lelaki dan guru disiplin perempuan menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana terhadap prinsip asas disiplin dan program pemantapan disiplin.

Dapatan kajian juga menunjukkan faktor jantina sama ada guru disiplin lelaki atau perempuan tidak menunjukkan perbezaan terhadap status sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Ini bererti faktor jantina tidak mempengaruhi kecekapan guru disiplin terhadap pengurusan disiplin. Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad Sukri (2002) yang menunjukkan tidak ada perbezaan kebolehan atau tahap produktiviti antara pekerja lelaki dan perempuan khususnya bagi pekerjaan yang melibatkan kebolehan menyelesaikan masalah, motivasi dan kemahiran analitikal.

Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Jan Miller (1992) dan Arifin (1998) yang menyatakan sikap guru lelaki dalam mengendalikan masalah disiplin hanya menggunakan tindakan yang keras seperti merotan atau mana-mana tindakan keras disiplin yang lain. Guru lelaki lebih berkemampuan mengambil tindakan tegas dan 'keras' berbanding guru wanita. Guru disiplin juga boleh mendisiplinkan pelajar dengan menggunakan kelembutan seperti menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling serta mengenal pasti punca permasalahan yang sebenar.

## **Hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin**

Korelasi antara sikap dengan tahap pengetahuan berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan tahap pengetahuan guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Keadaan ini dapat dibuktikan daripada hubungan sikap dengan tahap pengetahuan dalam ujian korelasi Pearson yang menunjukkan pekali korelasi  $r = .463^{**}$  dan  $p = .000$ . Pekali korelasi menunjukkan kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana.

Berdasarkan Model Kompetensi *Iceberg* oleh Spencer dan Spencer (1993) dan Saleh (2003), status sikap mempunyai hubungan dengan pengetahuan. Sikap dan keinginan yang tinggi terhadap melakukan sesuatu tindakan akan mendorong individu tersebut untuk meningkatkan pengetahuan mereka

Sebaliknya sikap yang rendah akan memberi kesan kepada tahap pengetahuan untuk turut berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap guru disiplin berada pada tahap yang tinggi ( $M=4.08$ ). Sikap ini telah mempengaruhi tahap pengetahuan guru disiplin untuk berada pada tahap sederhana ( $M=3.62$ ).

## **Hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin**

Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru disiplin dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.

Ujian pekali kolerasi Pearson menunjukkan pekali korelasi  $r = .577^{**}$  dan  $p = .000$ . Ini bererti hubungan antara sikap dengan tahap kemahiran guru disiplin berdasarkan pengalaman sebagai guru disiplin berada pada tahap sederhana. Berdasarkan Model Kompetensi *Iceberg* (Spencer & Spencer, 1993), sikap turut mempunyai hubungan dengan kemahiran. Analisis dapatan kajian menunjukkan status sikap guru disiplin berada pada tahap tinggi ( $M=4.08$ ) telah memberi kesan terhadap tahap kemahiran guru disiplin juga berada pada tahap tinggi ( $M=3.73$ ).

Dapatan ini menyokong konsep kecekapan guru oleh Dreyfus dan Dreyfus (1980) melalui Model Perkembangan Guru yang menyatakan guru yang mahir adalah guru yang mampu untuk mengesan masalah di dalam semua situasi dan berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

### **Kesimpulan Dapatan Kajian**

Sikap seseorang guru disiplin mempunyai hubungan yang sederhana dengan tahap pengetahuan dan berhubung kuat dengan tahap kemahiran guru disiplin. Berdasarkan Model Kompetensi oleh Malek dan Liew (2002), ketidakseimbangan terhadap salah satu domain kecekapan akan memberi kesan terhadap kecekapan individu secara keseluruhan

manakala Model Kompetensi *Iceberg* oleh (Spencer & Spencer, 1993) pula melihat sikap sebagai sebahagian domain peribadi yang tersirat atau tersembunyi sedangkan pengetahuan dan kemahiran dapat dilihat menerusi tingkah laku individu. Pengetahuan dan kemahiran merupakan ciri kecekapan yang mudah dibangunkan.

Kajian oleh Christopher (1999), Della (1995) dan Mohammed Sani (2002) mendapati bahawa program latihan dan kursus-kursus yang diikuti oleh guru-guru dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran mereka. Sehubungan dengan itu, pentadbir sekolah harus peka dengan program-program latihan yang dianjurkan oleh KPM untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru agar kecekapan pengurusan disiplin guru dapat ditingkatkan seterusnya membantu guru mendidik generasi masa depan yang lebih berkualiti (Ahmad Azmey, 2007).

Dapatan kajian ini menunjukkan hanya 27.3 peratus sahaja guru disiplin yang pernah mengikuti kursus-kursus disiplin. Berdasarkan dapatan tersebut, majoriti daripada guru disiplin di daerah Saratok tidak pernah mengikuti kursus pengurusan disiplin. Dapatan ini adalah berkaitan dengan kajian oleh Rosli (1998) yang mendapati 60 peratus daripada responden di sekolah-sekolah Hulu Langat tidak pernah mengikuti sebarang kursus. Kelemahan ini akan memberi kesan terhadap kecekapan guru disiplin dan kecekapan pengurusan disiplin di sekolah.

### **Implikasi Kajian**

Kecekapan pengurusan disiplin difokuskan kepada peranan pengetua, penolong kanan, guru disiplin dan guru-guru sebagai pentadbir dan pemimpin organisasi dalam mengawal disiplin pelajar. Salah satu tugas pentadbir ialah mencari punca masalah salah laku

pelajar dan merumuskan butiran yang didapati serta mencadangkan langkah-langkah mencegah salah laku pelajar (Robiah, 1998). Kajian yang dibuat oleh Kamaruddin (1989) mendapati kecemerlangan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada kepimpinan pengetua dan sukar bagi pengetua untuk mengendalikan masalah disiplin pelajar secara berseorangan tanpa bantuan guru disiplin.

Guru disiplin adalah kumpulan guru yang menjalankan tugas yang berisiko kerana mereka berhadapan secara terus dengan masalah disiplin pelajar. Guru-guru disiplin menjadi tempat rujukan yang juga bertindak untuk membantu guru-guru lain menyelesaikan masalah disiplin. Dalam hal ini, guru disiplin mestilah mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap pelbagai perkara yang berkaitan dengan disiplin. Antaranya, maklumat yang tepat tentang perkembangan disiplin semasa sama ada di dalam sekolah atau di luar kawasan sekolah, garis panduan tatacara pelaksanaan disiplin, jenis-jenis pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin, mengenal pasti punca masalah disiplin, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, berkomunikasi dengan ibu bapa atau penjaga secara berkesan dan mengadakan program-program pementapan disiplin.

Dalam konteks cabaran disiplin hari ini, guru disiplin perlu lebih proaktif dalam mengesan masalah disiplin dan bukan hanya menunggu laporan daripada guru-guru lain, pelajar atau pun ibu bapa pelajar. Sebaliknya, guru disiplin harus meningkatkan keupayaan dalam merancang strategi kawalan disiplin yang berkesan. Analisis dapatan kajian mendapati kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman mengajar yang melebihi 15 tahun (34.5%) dan mempunyai pengalaman

sebagai guru disiplin kurang daripada 3 tahun adalah 23 orang (41.8 %). Pengalaman kerja seseorang individu mempunyai hubungan dengan kecekapan kerja.

Berdasarkan teori perkembangan guru, tahap perkembangan guru disiplin berada pada tahap pertama dan kedua. Kedua-dua tahap ini dianggap sebagai tahap permulaan kepada proses penyesuaian kerja. Selain itu, guru disiplin juga perlu meningkatkan kemahiran mengesan ciri-ciri tingkah laku pelajar yang anti disiplin dan mencari punca utama berlakunya sesuatu masalah. Guru-guru disiplin perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran kaunseling, penyelesaian masalah dan kepimpinan. Stephens (1994) mencadangkan semua guru dan pelajar harus ditanamkan perasaan untuk hidup sebagai satu komuniti kerana dengan wujudnya komuniti yang aman di sekolah, maka secara tidak langsung masalah disiplin akan dapat diminimakan.

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Faktor kecekapan guru disiplin merupakan salah satu faktor penting dalam meningkatkan kecekapan pengurusan disiplin. Hasil kajian ini hanya menepati sebahagian sahaja daripada cadangan kajian-kajian penyelidik terdahulu. Oleh itu, kajian-kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan agar masalah ini dapat diatasi dengan berkesan. Berikut adalah cadangan-cadangan yang difikirkan bersesuaian untuk kajian selanjutnya tentang kecekapan guru-guru disiplin;

### **Cadangan kepada KPM, JPN dan PPD**

- i. Kajian mengenai ciri-ciri kecekapan lain yang lebih signifikan dengan kecekapan pengurusan disiplin.

- ii. Kajian mengenai kecekapan guru disiplin dalam menangani masalah disiplin pelajar dengan membuat perbandingan antara guru disiplin yang bertugas di sekolah yang berbeza gred sekolah ataupun jenis sekolah yang berbeza (sekolah teknik dan vokasional, sekolah agama, sekolah berasrama penuh atau sekolah swasta).
- iii. Kajian mengenai kecekapan guru disiplin dalam menangani masalah disiplin pelajar di daerah-daerah atau bahagian-bahagian lain di Sarawak. Kajian mungkin boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dengan melibatkan semua sekolah menengah di Sarawak dan menggunakan saiz sampel yang lebih besar.

#### **Cadangan kepada Institut Aminuddin Baki**

- iv. Kajian mengenai hubungan kecekapan pengetua dengan kecekapan guru-guru disiplin terhadap pengurusan disiplin.
- v. Kajian mengenai hubungan kursus-kursus disiplin yang dijalankan dengan kecekapan guru-guru disiplin dalam menangani masalah disiplin pelajar.

#### **Cadangan kepada pengetua/guru besar sekolah**

- vi. Kajian perbandingan tahap kecekapan guru disiplin dengan guru-guru yang bukan ahli jawatan kuasa badan disiplin sekolah.

#### **Kesimpulan**

Pengurusan disiplin di sekolah merupakan satu bidang pengurusan serta peenyeliaan sekolah yang sangat penting. Secara keseluruhannya sikap mempunyai hubungan yang rapat dengan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru-guru disiplin. Tiga pemboleh

ubah ini mempengaruhi tahap kecekapan guru disiplin terhadap kecekapan pengurusan disiplin. Guru disiplin yang mempunyai status sikap yang positif lebih cenderung untuk meningkatkan kualiti kerja dengan meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran sedia ada. Matlamat utama Wawasan 2020 adalah untuk membina sebuah negara maju tanpa mengabaikan nilai agama dan moral pelajar. Pengetahuan yang luas, komitmen dan kemahiran yang tinggi dalam menguruskan disiplin sekolah merupakan obor dan sumber yang amat mahal harganya. Oleh itu, pemilihan guru disiplin harus mengambil kira ketiga-tiga ciri tersebut. Kecekapan guru disiplin pasti akan dapat meningkatkan pengurusan disiplin kepada satu tahap yang lebih baik dan sekaligus dapat mempertingkatkan profesionalisme perguruan di mata masyarakat. Oleh yang demikian, guru disiplin yang komited dan bermatlamat dapat memperkasakan sekolah kebangsaan selaras dengan hasrat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Negara (PIPP). Ringkasnya, kecekapan guru disiplin merupakan suatu aspek yang perlu diperhatikan, diasah dan dimantapkan lagi demi pembangunan institusi pendidikan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Hassan. (1994). *Komunikasi dalam pengurusan pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.
- Abdul Rahman Arof & Zakaria Kasa. (1992). *Falsafah dan konsep pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1997). *Daya pengaruh dan perubahan sikap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus disiplin pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abd. Halim Saad. (1999). *Pengurusan disiplin pelajar*. Latihan ilmiah. Universiti Utara Malaysia
- Ahmad Azmey Mutalib. (2007). *Visi dan misi PIPP dalam kepelbagaian pelajar di Malaysia. Ucapan utama dalam Majlis Forum Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia Dalam Kepelbagaian Pelajar di Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sukri. (2002). *Tingkah laku organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan Sains Sosial* (edisi ke-3). Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Hassan Dawi. (2002). *Pentorian sosiologi dan pendidikan* (edisi ke-2). Tanjung Malim: Quantum Books.
- Amran Ramlan. (2002). *Kajian tentang punca dan faktor tekanan pengurusan di kalangan pentadbir sekolah menengah di daerah Klang Selangor*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arifin Hassan. (1998). *Faktor-faktor pelanggaran disiplin pelajar sekolah-sekolah menengah di daerah Port Dickson*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan UUM.
- Armstrong, M., & Baron, A. (2000). *Performance management*. London: Chartered Institute of Personal and Development.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sudjai Hairul & Yussuff Khan. (1977). *Kamus lengkap*. Petaling Jaya: Pustaka Zaman.

- Boyatzis, R. E. (1982). *The competent manager: A model for effective performance*. New York: John Wiley & Sons.
- Cheng W. T. (1998). *Kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah dan peranan guru dalam mengatasinya: Satu kajian kes di Sekolah Menengah La Salle, Petaling Jaya*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Christopher, D. (1999). *Developing teachers: The challenges of lifelong learning*. United Kingdom: Falmer Press.
- Collis, M., & Dalton, J. (1997). *Menjadi pelajar yang bertanggungjawab: Strategi pengurusan bilik darjah secara positif*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (Terjemahan).
- Della, F. (1995). *Quality mentoring for student teacher: A principled approach to practice*. London: David Fulton Publisher.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2003). *Kamus dewan edisi baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dreyfus S.E., & Dreyfus H. L. (1980, Feb). A five-stage model of the mental activities involved in directed skill acquisition. <http://www.storminmedia.us>. Dicapai pada 19 Februari 2009.
- Dzulkarnain Abdul Rahman. (1992). *Persepsi guru tentang disiplin pelajar dan peranan pengetua sekolah: Satu tinjauan di sekolah-sekolah menengah daerah Kinta, Perak*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- e-Disiplin di semua sekolah menengah. (2008, 05 Mei). *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my>. Dicapai pada 02 Januari 2009.
- Edwards. C. H. (1997). *Classroom, discipline & management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Faridah Karim & Zubaidah Aman. (1999). *Implikasi burnout di kalangan guru terhadap sistem pendidikan*. Prosiding Isu-isu Pendidikan Negara. 2, ms. 317-334.
- Fauziah Kassim. (2003). *Tekanan dan kepuasan kerja guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasek Selatan, Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Othman. (1983). Beberapa strategi kawalan disiplin dalam dua buah sekolah menengah di negeri Selangor. M. Ed. Universiti Malaya. Abstrak tesis/kajian kes disiplin pelajar. Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kertas Seminar Disiplin Pelajar Kebangsaan 1996*.

- Haron Abd. Gani. (1998). *Masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah daerah Kubang Pasu*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan UUM.
- Howard, E. R.(1978). *School discipline desk book*. New York: Parker Publishing Company Inc.
- Hoy, W. K. (1968). The influence of experience on the beginning teacher. *The school review*, 76: pp. 312-321.
- Ibrahim Mamat. (2001). *Pengetua sekolah, menangani isu dan cabaran kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Idris Kadir. (1998). *Pengaruh disiplin murid dan suasana kerja: Satu kajian kes persepsi guru terhadap motivasi kerja di sebuah sekolah menengah di Hulu Langat Selangor*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Abdullah. (2004). *Kecekapan pengurusan disiplin: Hubungan antara sikap dengan tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar Muhammad, Mohd. Nizam Hanafiah & Zafir Mohd. Makhbul. (2002). *Pengantar pengurusan*. Kuala Lumpur: Leed Publication.
- Jackson. S. L. (2003). *Research methods and statistics*. United States of America: Wadsworth Thomson.
- Jan Miller. (1992). Effect of a program of therapeutic disciplines on the attitude, attendance and insight of truant adolescents. *Journal of Experimental Education*. Illinois.
- Jones, G. R., & George, J. M. (2003). *Contemporary management* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: McGraw Hill International.
- Kamaruddin Hj. Kachar. (1989). *Ke arah pengurusan pelajar dinamik*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Panduan tatacara disiplin untuk guru besar dan guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pekeliling ikhtisas bil. 8*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pekeliling ikhtisas bil. 10*. Kuala Lumpur.
- Kerlinger, F. (1973). *Foundation of behavioral research* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: Holt Rinehart & Winston.

- Loh K. G. (1995). Pengurusan disiplin dan tingkah laku pelajar di sekolah. *Jurnal Pendidikan*. 39(82), ms. 1-9.
- Lunenburg, F.C., & Ornstein, A. C. (1996). *Educational administration* (2<sup>nd</sup> ed.). Los Angeles, CA: Wadsworth Publishing.
- Malek Shah & Liew S. L. (2002). Model kompetensi dan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam*. 1(2), ms. 1-15.
- Mastura Mahfar, Fadilah Zaini & Nor Akmar Nordin. (2007). Analisis faktor penyebab stres di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan*. 9, ms. 62-72. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Mohamad Nizam. (2000). *Keperluan latihan dan tanggapan terhadap latihan oleh staf Institut Sukan Malaysia*. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.
- Mohammed Sani Ibrahim. (2002). *Pemupukan nilai guru cemerlang*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Amin H.A. Shariff. (1998). *Perkembangan remaja: Pandangan, pemahaman dan persepsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Tajudin Abdul Rahman. (1995). *Masalah disiplin dan penyelesaiannya*. Dewan Masyarakat, April 1995.
- Mukhtar Ab. Rani. (2002). *Program latihan dalaman sekolah: Kajian di kalangan guru di tiga buah sekolah menengah di daerah Jelebu, Negeri Sembilan*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omardin Ashaari. (1996). *Pengurusan sekolah: Satu panduan lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari. (1998). *Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Ong P. P. (2003). *The relationship between academic achievement and discipline problem of selected school in Selangor*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Owens, R. G. (1998). *Organizational behavior in education* (6<sup>th</sup> ed.). Boston: Allyn & Bacon.

- Rafidah Ismail. (1993). *Masalah disiplin pelajar-pelajar Islam: satu kajian di sekolah-sekolah di daerah Kuala Terengganu*. Latihan ilmiah untuk Sarjana Muda Usuluddin, Universiti Malaya.
- Rahim Abdullah. (1994). *Asas pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Rashid Ahmad. (2005). *Kaedah membentuk disiplin*. Kuala Lumpur: Dewan Siswa.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Rohaty Mohd Majzub. (1999). *Model-model teoritis disiplin: Disiplin dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Rohaty Mohd. Majzub, Subahan, T., Mohd. Merah, Faridah Karim & Ahmad Jeffni Hassan (1991). *Disiplin dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Rosli Darus. (1998). *Amalan pelaksanaan disiplin di sekolah-sekolah daerah Hulu Langat*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnah Idris. (2003). *Profil personaliti guru-guru sekolah menengah*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Salleh. (2002). *Perlaksanaan program sistem penalti dalam menangani masalah disiplin pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roosmawaty Ibrahim. (2002). *Proses pembentukan akhlak dalam menangani masalah disiplin*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslina Yaakub. (1998). *Peranan guru dan keluarga dalam menangani masalah disiplin*. Latihan Ilmiah. Universiti Utara Malaysia.
- Saleh @ Bustaman Hamat. (2003). *Persepsi pelajar terhadap hubungan antara sikap dan amalan guru dalam kelas dengan masalah devian (pelanggaran disiplin) para pelajar sekolah-sekolah menengah di daerah Jeli, Kelantan*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Sapora Sipon. (2002). *Stres kerja guru: Punca, kesan dan strategi daya tindak*. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. 2, ms. 224-233.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill building approach*. New York: John Wiley & Sons.

- Seo Y. M. (1996). *Perkaitan gaya pengurusan pengetua sekolah menengah dengan harga diri (self esteem) guru*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2002). Gangguan tingkah laku sebagai masalah yang berpunca dari sekolah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. 2, ms. 275-285.
- Shanthi, R. (1998). *Peranan dan tanggungjawab guru dalam meningkatkan profesionalisme perguruan ke arah pencapaian pendidikan yang cemerlang*. Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Short, P. M. et al. (1994). *Rethinking student discipline*. California: Corwin Press.
- Slavin, R. E. (1984). *Research methods in education: A practical guide*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work: Model for superior performance*. New York: J. Wiley & Sons.
- Stephens, R. D. (1994). Planning the safer and better schools: School violence prevention and intervention strategies. *School Psychology Review*. 23, pp. 204-220.
- Tam Y. K. (1999). *Pengaruh persekitaran terhadap perkembangan guru ke arah kecemerlangan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teoh A. H. (1996). Penilaian sistem disiplin di sekolah menengah P.Pinang. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Awam. Universiti Utara Malaysia.
- Thock K. M. (2003). *Keperluan latihan di kalangan guru disiplin: Satu kajian kes di kawasan Ampang*. Latihan ilmiah. Universiti Pertanian Malaysia.
- Varathan. (2001). *Persepsi pelajar terhadap punca masalah disiplin dan langkah-langkah untuk mengatasi: satu tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor*. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wasiesko, M. M., & Ross, S. M. (1994). How to create about school discipline. *Journal Clearing House*. 67, pp. 248-252.
- Yulk. (2002). *Leadership in organizations*. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. (2001). *Pentadbiran pendidikan*. Selangor: Fajar Bakti.
- Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamus besar Melayu utusan*. Petaling Jaya: Percetakan KUM